



**KONSEP *AL-YAMĪN* (SUMPAH) DAN  
PERLAKSANAANNYA DI MAHKAMAH SYARIAH**

**ZULKIFLI HASAN  
WAN ABDUL FATAH WAN ISMAIL**

**FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA.**

Cetakan Pertama ... .. 2007  
© Hakcipta terpelihara  
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekali pun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, cd atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan Oleh :  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Putra Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
Tel : 06-7988407 Faks : 06-7988530

ISBN:

Pencetak:

## Kes-kes

- Abdul Aziz lwn Che Pah* (1981) 2 JH 113  
*Abdul Kadir lwn Hajah Fatimah* (1981) 2 JH 99  
*Adiba Yasmin lwn Abd Rani* (1996) 1 JH 44  
*Ahmad lwn Mahabat Khad dan Seorang Lagi* (1980) 1 JH 82  
*Fathilah lwn Mohamed Ghafar* (1982) 2 JH 286  
*Fatimah Binti Hashim wn Mansor Bin Siran* (1987) 5 JH 440  
*Hasmah lwn Borhan al-Din* (1988) 1 JH 118  
*Hj Abdullah Hj Hamzah lwn Cik Don Bt Yaakob* (1983) 3 JH  
*Kelthom lwn Ismail* (1996) 1 JH 79  
*Khamsiah Bt Hashim lwn Abdul Fikri* (1983) 4 JH 71  
*Mashitah lwn Hussain* (1981) 2 JH 153  
*Norman Bin Harun lwn Abd Razak bin Razali* (1988) 1 JH 86  
*Norsiah lwn Hashim* (1984) 5 JH 126  
*Pendakwa Jenayah Kelantan lwn Omar dan Seorang lagi* (1981) 2 JH 131  
*Pendakwa Syarie Pahang lwn Mohamed Abd Rahman dan Seorang lagi* (1988) 1 JH  
 71  
*Piah lwn Mohammad Zainal* (1984) 4 JH 222  
*Rukiah lwn Abu Bakar* (1983) JH 90  
*Salemawegam lwn Mohamed Anuar* (1984) 5 JH 109  
*Siteh bt Lop Ahmad lwn Mat Desa* (1987) 5 JH 408  
*Siti Zainab lwn Mohamad Ishak* (1982) 2 JH 323  
*Siti Zamrah lwn Maliki* (1988) 1 JH 130  
*Tuminah lwn Arifin* (1983) 4 JH 84  
*Wan Abdul Hamid lwn Maimunah* (1980) 1 JH 71  
*Wan Azizah lwn Kasim* (1984) 5 JH 123  
*Zabidah lwn Abdul Rahim* (1984) 4 JH 235  
*Zainab Bt Hamid lwn Mat Isa* (1987) 5 JH 391  
*Zawiah bt Talib lwn Mohd Noor* (1987) 5 JH 366

## PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه ومن  
نهج نهجه إلى يوم الدين؛ أما بعد:

Segala syukur dan puji bagi Allah *Subhanahu Wataala* yang maha esa lagi berkuasa yang menganugerahkan hidayah dan keupayaan untuk menghasilkan penerbitan buku Konsep Al-Yamin dan Perlaksanaanya di Mahkamah Syariah.

Selain *al-Iqrar* dan *al-Syahadah*, *Al-yamīn* merupakan salah satu daripada keterangan yang diterima pakai di Mahkamah Syariah Malaysia. *Al-yamin* atau dikenali juga sebagai Sumpah Syarie ialah sumpah atau suatu ungkapan atau susunan kata tertentu untuk menyatakan sesuatu persoalan itu yang mungkin berlaku atau mungkin tidak berlaku dengan pasti dan ungkapan itu dikaitkan dengan nama Allah S.W.T atau salah satu sifat-Nya dengan tujuan untuk meyakinkan bagi menimbulkan kepercayaan orang lain dengan ungkapannya itu.

*Al-yamīn* atau sumpah merupakan keterangan atau *bayyinah* yang diterima sebagai sokongan pembuktian di Mahkamah Syariah dan ianya telah dilaksanakan mengikut ketetapan hukum syarak. Hikmat dan tujuan pensyariatan *al-yamīn* adalah untuk menyelesaikan perbalahan, mengembalikan hak kepada tuannya dan menyelamatkan maruah dari ditohmah. Selain itu juga *al-yamīn* berperanan untuk mentarjihkan kebenaran atau menafikan dakwaan dari pihak *mudda'i* terhadap *mudda'a alaih*.

Buku ini merupakan salah satu usaha untuk memberi kefahaman dan menerangkan konsep al-yamin dan perlaksanaanya di Mahkamah Syariah. Melalui pemerhatian dan kajian yang dijalankan didapati terdapat kekeliruan dan ketidakfahaman sesetengah pihak malahan pengamal undang-undang itu sendiri mengenai konsep al-yamin dan pemakaiannya menurut hukum syarak.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa terdapat peruntukan mengenai al-yamin di bawah enakmen-enakmen keterangan negeri-negeri. Namun begitu, berdasarkan kajian yang dijalankan didapati kedudukan dan pemakaian serta prosedur pelaksanaan al-yamin sebenarnya masih tidak jelas. Di sini, penulis akan merujuk dan membuat analisa kepada Peraturan Sumpah Syarie Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) dari aspek hukum syarak dan kesesuaiannya dilaksanakan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

Berdasarkan semua perbincangan yang dibuat di dalam buku ini, penulis membuat kesimpulan bahawa *al-Yamīn* merupakan salah satu mekanisma atau keterangan yang berkesan untuk mahkamah membuat sesuatu keputusan. Namun begitu, semua pihak perlu memahami konsep al-yamin dan pelaksanaannya secara lebih mendalam, tepat dan bersesuaian dengan hukum syarak. Diharapkan penerbitan buku ini akan dapat menambahkan bahan rujukan akademik mengenai undang-undang keterangan Islam kepada pengamal undang-undang, pelajar syariah dan undang-undang, ahli akademik dan semua pihak yang terlibat dengan pentadbiran undang-undang Islam.

## PENDAHULUAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani. Segala puji ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya kita masih dapat merasai nikmat Islam dan Iman.

Buku ini membincangkan konsep al-yamin dan perlaksanaannya di Mahkamah Syariah di Malaysia dengan merujuk undang-undang keterangan Islam, kitab-kitab *turath* atau rujukan-rujukan kontemporari dan pengamalannya melalui kes-kes yang dilaporkan. Perbincangan mengenai konsep al-yamin ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian.

Bab 1 menjelaskan tentang konsep al-yamin diantara Hukum dan Perlaksanaannya Menurut Pandangan Ulama Di Dalam Kitab-Kitab Fiqah. Di dalam bahagian ini penulis akan menjelaskan definisi, pensyariatan, hikmat dan tujuan pensyariatan, hukum dan pembahagian al-yamin. Al-yamin juga hanya boleh dilaksanakan di dalam kes tertentu dan bab ini juga akan membincangkan keadaan bila al-yamin boleh dilaksanakan. Penulis juga telah menyenaraikan syarat al-yamin, kaedah perlaksanaannya, taghliz al-yamin dan implikasi tatkala pihak kena tuntutan untuk melaksanakan al-yamin.

Pada permulaan Bab 2, penulis telah menyoroti sejarah undang-undang keterangan Islam di Malaysia secara ringkas memandangkan al-yamin merupakan salah satu bentuk keterangan yang diterimapakai di Mahkamah Syariah. Jelas menunjukkan undang-undang keterangan Islam telah lama dipraktikkan di Malaysia melalui peruntukan undang-undang yang telah diluluskan. Kemudian penulis terus memperjelaskan peruntukan al-yamin yang terkandung di dalam enakmen-enakmen keterangan Islam negeri-negeri. Bagi maksud ini, penulis telah merujuk kepada kes-kes yang dilaporkan di mana membuktikan bahawa sememangnya pemakaian al-yamin telah diamalkan di Mahkamah Syariah sekian lama.

Di dalam Bab 3, penulis menganalisa peruntukan Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) yang telah digubal oleh pihak Jabatan Kehakiman

Syariah Malaysia. Secara umumnya Peraturan ini mengandungi definisi, pembahagian al-yamin, syarat-syarat al-yamin, jenis-jenis hak boleh dilaksanakan al-yamin, tatacara al-yamin, taghliz al-yamin dan anggapan enggan bersumpah. Jika diteliti, Peraturan ini sememangnya menyediakan satu garis panduan yang jelas mengenai pemakaian dan pelaksanaan al-yamin. Penulis berpandangan Peraturan ini diadaptasi dan digunakan di semua Mahkamah Syariah di Malaysia.

Di dalam bab 4, penulis telah membuat rumusan dan analisa mengenai konsep al-yamin dan pelaksanaannya di Mahkamah Syariah. Melalui kajian yang dijalankan sememangnya terdapat kekeliruan dan kurang fahaman sesetengah pihak mengenai pemakaian al-yamin. Ini disokong oleh beberapa keputusan di dalam kes-kes yang dirujuk. Oleh itu, semua pihak perlu memahami konsep al-yamin ini bukan sahaja hakim, peguam malahan pihak yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah. Penulis juga telah membuat beberapa cadangan yang praktikal bagi memastikan kefahaman dan pelaksanaan al-yamin yang tepat dari segi hukum syarak.

Secara ringkasnya buku ini merupakan salah satu sumbangan kecil oleh penulis ke arah pemahaman undang-undang keterangan Islam secara umumnya dan al-yamin khususnya. Diharapkan dengan penjelasan dan perbincangan secara ilmiah dengan merujuk kepada sumber tradisional, peruntukan yang terdapat di dalam enakmen-enakmen negeri berserta Peraturan Sumpah Syarie Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) dengan disokong oleh kes-kes di Mahkamah Syariah akan dapat memberi manfaat dan kefahaman kepada semua mengenai konsep al-yamin menepati hukum syarak. Semoga Allah S.W.T yang Maha Tinggi lagi Maha Berkuasa melimpahkan kurnia dan rahmatnya dan menjadikan penulisan ini bermanfaat serta menjadi rujukan mengenai undang-undang keterangan Islam khususnya konsep al-yamin.

## BAB I

### KONSEP *AL-YAMĪN* DAN PERLAKSANAANNYA DI DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM.

#### DEFINISI *AL-YAMĪN*

Menurut bahasa *al-yamīn* bermaksud kanan atau bahagian kanan, dan di dalam bahasa melayu *al-yamīn* bererti sumpah. Selain itu *al-yamīn* dikenali sebagai *al-halaf*, *al-istihlaf*, *al-Ila'* dan juga *al-qasam*. (Ibn Manzur. 1999 & Dr. Mahmud Saedon A. Othman. 1990)

Menurut istilah pula, *al-yamīn* ditakrifkan sebagai: “Suatu lafaz yang digunakan untuk menyatakan (mensabitkan) haknya terhadap sesuatu perkara atau menafikan sesuatu perkara di hadapan hakim dengan menyebut nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya”. *al-Yamīn* juga membawa maksud mengukuhkan kata-kata yang tidak sabit kebenaran kandungannya dengan menyebut salah satu dari nama-nama Allah S.W.T ataupun salah satu sifat-Nya dengan lafaz yang tertentu. Ianya sama ada berkaitan dengan masa yang lalu atau akan datang atau sama ada benar atau pun dusta. (Zuhailī, Wahbah. 1997, Dr. Mustafa al-Khin & Dr Mustafa al-Bugho. 1996)

Sebenarnya penggunaan perkataan pengukuhan dalam takrif di atas adalah bertujuan mengabaikan sumpah yang sia-sia iaitu sumpah yang diucapkan tanpa niat untuk melaksanakannya ataupun niat untuk membenarkannya. Kenyataan ini adalah bersandarkan kepada firman Allah S.W.T di dalam surah al-Ma'idah ayat 89:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ

*Bermaksud:*

*“Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengajakan”.*

Menurut Dr. Muhammad Mustafa al-Zuhaili dalam bukunya *Wasa'il al-Ithbat fi al-Syariat al-Islamiyyah, al-yamīn* atau sumpah syarie memberi maksud suatu perkataan yang disertakan dengan nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya, digunakan untuk menyatakan ada haknya (*isbat*) terhadap sesuatu perkara atau menafikan sesuatu perkara di hadapan Hakim.

Mengikut Dr. Wahbah al-Zuhailiy, *al-yamīn* ialah suatu ungkapan yang mengandungi perjanjian atau aqad yang teguh atau ikatan yang kuat terhadap yang bersumpah untuk melaksanakan sesuatu atau meninggalkannya. Dinamakan ikatan aqad itu kerana kuatnya azam dengan lafaz sumpah itu. Menurut Syed Sabiq pula, *al-yamīn* ialah menyatakan dengan tegas sesuatu persoalan atau memperteguhkannya dengan menyebut nama Allah S.W.T atau salah satu daripada sifat-sifatNya atau boleh juga didefinisikan sebagai suatu aqad yang dilaksanakan oleh orang yang bersumpah untuk meneguhkan tekadnya bagi mengerjakan atau meninggalkannya.

Selain daripada itu sumpah juga membawa maksud mengukuh kata-kata yang tidak sabit samada ia berkaitan dengan perkara yang telah lepas atau yang akan datang, menafikan sesuatu perkara atau menuntut sesuatu dengan menyebut nama Allah S.W.T atau salah satu sifat-sifatNya. Firman Allah S.W.T:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ

*Bermaksud:*

*“Kamu tidak dikira salah oleh Allah S.W.T tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh”*

Berdasarkan pengertian *al-yamīn* di atas dapat disimpulkan bahawa ianya ialah sumpah atau suatu ungkapan atau susunan kata tertentu dan cara untuk menyatakan sesuatu persoalan itu yang mungkin berlaku atau mungkin tidak berlaku dengan pasti dan ungkapan itu dikaitkan dengan nama Allah S.W.T atau salah satu sifat-Nya dengan tujuan untuk meyakinkan bagi menimbulkan kepercayaan orang lain dengan ungkapannya itu. Dari segi lafaz, sumpah dikaitkan dengan kemuliaan Allah S.W.T atau sifat-Nya, ini menunjukkan kesungguhan yang pasti akan menimbulkan kesan jika tidak menepati apa yang disumpahkan itu.

Walau bagaimanapun jika dirujuk kepada takrif *al-yamīn* dalam konteks sebagai suatu keterangan dan pembuktian dalam sistem kehakiman Islam, maka *al-yamīn* yang dimaksudkan di sini adalah di hadapan hakim sahaja. Sekiranya seseorang itu bersumpah di luar mahkamah, kemudian dibawa perkara tersebut kepada hakim maka hakim tidak boleh menerimanya. *al-Yamīn* berperanan untuk menyatakan (mensabitkan) hak orang yang bersumpah atau menafikan sesuatu seperti seseorang itu berkata di hadapan hakim:

“Dengan nama Allah aku telah meminjamkan kepada engkau wang sebanyak seribu ringgit dan seumpamanya” atau “Dengan nama Allah aku tidak pernah meminjam duit engkau”. (Ibn Abu Dam. 1987).

### **PENSYARIATAN AL-YAMĪN**

Terdapat banyak dalil mengenai *al-yamīn* samada dari al-Qur'an ataupun Sunnah yang menunjukkan *al-yamīn* dikira sebagai salah satu cara pengisbatan dan pembuktian atau penafian di hadapan hakim. Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Ma'idah ayat 89:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّعْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَّدْتُمُ الْأَيْمَانَ

*Bermaksud:*

*“Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpahmu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi dia menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu sengajakan”.*

Para sahabat r.a berselisih mengenai sebab penurunan ayat ini, namun menurut Ibn Abbas r.a ayat ini diturunkan disebabkan sesetengah golongan mengharamkan keatas diri mereka sesuatu makan atau pakaian atau perbuatan-perbuatan yang halal pada syarak dengan melafazkan sumpah. Para ulamak berseisih pendapat dalam mentakrifkan maksud yamin atau sumpah lagha. Namun sumpah lagha dapat dikatakan sebagai niat seseorang yang melafaz tidak sama dengan apa yang dilafazkan seperti dala keadaan tersasul atau dipaksa melafazkan sesuatu perkara tanpaq kerelaan. (al-Qurthubi. 1995)

Firman Allah SWT dalam surah Yunus ayat 53:

وَيَسْتَنْبِئُونَكَ أَحَقُّ هُوَ قُلُّ إِي رَبِّي إِنَّهُ لَحَقُّ وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ

*Bermaksud:*

*“Dan mereka (yang meminta disegerakan azab) itu akan bertanya kepadamu (wahai Muhammad): “adakah kedatangan azab yang dijanjikan itu benar?” Jawablah: “ya, demi tuhanku! Sesungguhnya adalah ia benar! dan kamu tidak sekali-kali berkuasa menahan kedatangannya”.*

Allah S.W.T telah memberi amaran yang amat keras agar jangan sekali-kali menjadikan *al-yamīn* sebagai senjata untuk merampas dan mengambil hak orang lain. Firman Allah S.W.T dalam surah Ali Imran ayat 57:

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

*Bermaksud:*

*“Sesungguhnya orang-orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah S.W.T dan mencabuli sumpah mereka (yang dibuat), mereka tidak akan mendapat bahagian yang baik di akhirat nanti dan Allah S.W.T tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan memandang kepada mereka pada hari Kiamat dan tidak akan membersihkan mereka dari dosa, dan mereka pula akan menerima azab yang tidak terperi sakitnya”*

Rasulullah S.A.W telah bersabda:

"عن ابن عباس رضي الله عنهما أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : لو يعطي الناس بدعواهم لا دعى الناس دماء رجال أموالكم ، ولكن اليمين على المدعى عليه (رواه البخاري ومسلم وغيرهما) ولكن البينة على المدعي واليمين على من أنكر"

*Bermaksud:*

*“Kalaulah manusia itu diberikan (hak yang dituntutinya) dengan semata-mata dakwaan mereka nescaya terdapat sebahagian manusia akan mendakwa kes-kes yang berkaitan dengan darah dan harta ke atas orang lain, tetapi al-yamīn adalah dikenakan ke atas mudda’alah. Riwayat Bukhāri, Muslim dan lain-lain. Dalam riwayat al-*

*Baihaqi “Tetapi bayyinah dikenakan ke atas mereka yang mengingkari atau menafikan dakwaan”. ( Al-Nawawi.t.t.)*

Dalam sebuah hadith yang lain yang telah diriwayatkan daripada Asy’ath bin Qays, beliau berkata:

"كان بيني وبين رجل خصومة في بئر فاختصمنا إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم "شاهدك أو يمينه" قلت إنه إذا يحلف ولا يحلف ولا يبالي ، فقال رسول الله صلى الله "من حلف على يمين يستحق بها مالا وهو فيها فاجر لقي الله وهو عليه غضبان"

*Bermaksud:*

*“Berlaku pertikaian antara aku dengan seorang lelaki tentang sebuah perigi, lalu kami mengangkat pertikaian itu kepada Rasulullah S.A.W, maka Baginda bersabda: Dua orang saksi (kalau tidak) dia akan bersumpah. Lalu aku berkata: kalau begitu (sudah tentu) dia akan bersumpah dan tidak peduli (benar atau dusta). Maka Rasulullah S.A.W bersabda: sesiapa yang bersumpah dengan sesuatu sumpah yang dengannya dia akan mendapat sesuatu harta, sedangkan ia berdusta dalam sumpah itu nescaya ia akan bertemu Allah S.W.T dalam keadaan mendapat kemurkaan dari-Nya”. ( Ibn Hajar. t.t.)*

"عن ابن عباس رضي الله عنهما أن النبي صلى الله عليه وسلم قضى باليمين على

المدعى عليه"

*Bermaksud:*

“*Riwayat daripada Ibn Abbas r.a bahawa Nabi S.A.W pernah menghukum sumpah ke atas orang kena dakwa* “ (Muslim. 2000)

Berdasarkan kepada hadith-hadith di atas jelas menunjukkan bahawa *al-yamīn* disyariatkan bertujuan bagi menguatkan samada dari aspek kebenaran dalam mensabitkan hak serta penafian ataupun ketika gagal dalam mengemukakan bukti dan keterangan. Walaupun sumpah diterima ketika menyelesaikan sesuatu perbalahan, tetapi kedudukannya adalah lemah dan bergantung kepada keterangan dan pembuktian yang lain. Oleh itu jika ada bukti selepas sumpah dilaksanakan, harus diterima semula bukti atau keterangan baru itu.

### **HIKMAT DAN TUJUAN DIPERSYARIATKAN *AL-YAMĪN***

Sebenarnya *al-yamīn* memberi kesan yang kuat samada dari sudut keagamaan dan keduniaan. Yang dimaksudkan dengan memberi kesan dari sudut keagamaan ialah dengan *al-yamīn* akan menyebabkan seseorang itu dikurniakan pahala atau dosa. Dari sudut keduniaan pula *al-yamīn* dapat menyelesaikan perbalahan dengan dapat mengembalikan hak seseorang atau menafikannya sekaligus dapat menyelamatkan maruah seseorang. (Zaidan. 1997.)

Selain itu juga hikmat dan tujuan *al-yamīn* ialah seseorang itu akan mengkhabarkan sesuatu yang ada dalam dirinya dan mengharapkan orang lain membenarkan pengkhabarannya dan menerima kata-katanya itu, tetapi pendengar belum pasti mempercayai dan menerima kata-kata tersebut samada ia benar atau sebaliknya. Maka dengan sumpah aspek kebenaran dalam pengkhabaran itu dapat mengatasi pendustaan berdasarkan iman dan akidah serta menjadikan Allah S.W.T sebagai saksi di atas perkataannya. (Ibn Qayyim. 1995)

Selain daripada itu, menurut Ibn Qayyim antara tujuan asal *al-yamīn* disyariatkan ialah bagi pihak *mudda'a alaih* ketika mana tidak boleh ditarjihkan kebenaran dakwaan pihak *mudda'i*. Dalam situasi tersebut pihak *mudda'a alaih* adalah lebih utama untuk melaksanakan *al-yamīn* kerana ia berada di pihak yang kuat berdasarkan kepada kaedah:

### الأصل براءة الذمة

*Bermaksud:*

*“Pada asal sesuatu itu bebas dari sebarang tanggungan”.*

Namun, sekiranya pihak *mudda'i* berubah dari pihak yang lemah kepada pihak yang kuat seperti dalam kes '*Lauth*' atau ketika, *mudda'a alaih* enggan bersumpah selepas diminta berbuat demikian atau ketika *mudda'i* bersama seorang saksi lelaki, maka ketika itu *mudda'i* lebih utama bersumpah. Maka *al-yamīn* disyariatkan bagi pihak yang lebih kuat antara dua pihak yang bersumpah.

### **HUKUM ASAL AL-YAMĪN.**

Sumpah walaupun pada dasarnya diterima oleh syarak sebagai cara pembuktian namun hukumnya berbeza kerana keadaan perkara yang disumpahkan. Hukum sumpah dapat dibahagikan kepada lima iaitu wajib, sunat, makruh, harus dan haram.

Para fuqaha berbeza pendapat tentang hukum asal sumpah,. Hanafiah berpendapat hukum asalnya adalah harus sekalipun tidak diminta untuk bersumpah. Malikiyah pula berpendapat hukum asal adalah harus tetapi baik tidak dibanyakkan bersumpah. Shafi'iyah pula berpendapat hukum asalnya adalah makruh berdasarkan. Sumpah yang wajib pula ialah sumpah untuk menjaga keselamatan manusia dan sebagainya seperti orang yang telah dituduh membunuh sedangkan tidak ada saksi yang terang untuk disabitkan.

Sunat bersumpah ialah sumpah untuk sesuatu permasalahan seperti untuk mendamaikan dua pihak yang bertikai. Sumpah yang harus ialah sumpah untuk melakukan atau meninggalkan sesuatu yang harus seperti bersumpah untuk makan makanan yang sedap. Sumpah yang makruh ialah sumpah untuk mengerjakan sesuatu yang makruh seperti bersumpah tidak akan memberi sedekah. Sumpah yang haram ialah sumpah yang dusta atau sumpah melakukan yang haram seperti mensabitkan seseorang yang tidak berhutang dengannya tetapi mengatakan orang itu berhutang. (Al-Jaziri. T.t)

### **PEMBAHAGIAN *AL-YAMĪN***

Dibahagikan *al-Yamīn* kepada dua bahagian iaitu di luar mahkamah (*al-Yamīn ghair al-Qadha'iyyah*) dan dalam mahkamah (*al-Yamīn al-Qadha'iyyah*). Namun secara umumnya kedua-dua *al-yamīn* bertujuan untuk menguat dan mengukuh sesuatu. Walaupun begitu terdapat beberapa perbezaan dari segi hukum dan kaedah pemakaiannya. (Zuhaili. 1997)

#### **a. *Al-Yamīn* Di luar Mahkamah (*al-Yamīn Ghair al-Qadha'iyyah*)**

*al-Yamīn* di luar mahkamah juga bertujuan untuk menguat dan mengukuhkan sesuatu perkara. Tetapi *al-yamīn* ini tidaklah menjadi salah satu cara pembuktian berbeza dengan *al-yamīn* di dalam mahkamah. *al-Yamīn ghair al-Qadha'iyyah* bergantung sepenuhnya kepada niat yang orang melafazkannya, sekiranya lafaznya berbeza dari apa yang diniatkannya ia disebut sebagai '*Tauriyyah*'. Kenyataan ini bersandarkan kepada sabda Rasulullah S.A.W dalam sebuah hadith yang telah diriwayatkan oleh imam al-Bukhari:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

*Bermaksud:*

“Setiap pekerjaan berdasarkan kepada niat, maka setiap amalan seseorang itu bergantung kepada apa yang telah diniatkan”. (al-Bukhari. T.t)

#### - *Tauriah Semasa Melaksanakan al-Yamīn*

*Tauriah* bermakna niat seseorang bersumpah berbeza dengan perkataan zahir sumpah yang dilafaz olehnya. Misalnya seseorang itu bersumpah untuk tidak memakan daging, namun hati berniat sebaliknya atau ia hanya berniat untuk tidak memakan daging kambing sahaja. *Tauriah* ini pernah disebut di dalam al-Qur’an seperti yang berlaku pada Nabi Ibrahim a.s:

فَنظَرَ نَظْرَةً فِي النُّجُومِ فَقَالَ إِنِّي سَقِيمٌ

*Bermaksud:*

“Lalu ia memandang sekali pandang ke bintang-bintang. Kemudian ia (Nabi Ibrahim a.s) berkata: Sesungguhnya aku sakit”. (al-Qur’an. al-Shoffat. 37:89-90)

Dalam hal ini Nabi Ibrahim a.s telah bertauriah untuk mengelakkan diri dari menghadiri majlis perayaan keagamaan setelah diajak oleh kaumnya. Dalam waktu yang sama Baginda telah merancang untuk memusnahkan patung-patung berhala apabila mereka meninggalkan bandar untuk menyambut perayaan tersebut. Apa yang dimaksudkan oleh Nabi Ibrahim a.s (سَقِيمٌ إِنِّي) ialah baginda tidak dapat menyertai kaumnya untuk perayaan tersebut dan *tauriah* baginda dalam hal ini adalah bertujuan untuk memusnahkan patuh berhala.

*Tauriah* semasa bersumpah adalah tidak dibenarkan samasekali sekira bertujuan untuk menganiayai orang lain bahkan ia merupakan perbuatan yang diharamkan. Walau bagaimanapun bersumpah demi menolak segala bentuk kezaliman, menjaga hak-hak seseorang atau untuk menjaga iman dan akidah setelah dipaksa oleh pemerintah yang zalim maka dibenarkan tauriah bahkan ia dianggap perkara yang mulia di sisi agama. Kadangkala orang Islam berada di dalam tawanan orang-orang kafir dan mereka mengetahui kedudukan sumpah dan kesannya di dalam Islam dan mereka memaksa orang Islam bersumpah untuk keluar agama maka tauriah dalam hal ini tidak menjadi satu kesalahan menurut agama bahkan ia digalakkan bagi mengelakan dizalimi dan ditindas.

Menurut Abu Yusuf al-Hanafi, sesungguhnya sumpah itu pada niat orang yang melafazkannya sekiranya ia dizalimi. Namun sekiranya ia di pihak yang zalim maka sumpahnya bergantung kepada pihak yang memintanya bersumpah. Menurut Imam al-Nawawi, sumpah itu bergantung kepada niat pihak yang bersumpah melainkan dalam hal hakim yang meminta ia bersumpah. Sekiranya hakim yang meminta seseorang itu bersumpah maka tautiah tidak dibenarkan. (Al-Kasani. 1998 dan al-Sayyid Sabiq.t.t)

### **- Pembahagian *Al-Yamīn* Di Luar Mahkamah**

Pembahagian *al-yamīn* di luar mahkamah boleh dibahagikan kepada tiga iaitu *al-yamīn al-munaqidah*, *al-yamīn al-lagha* dan *al-yamīn al-ghumus*.

#### **i. *al-Yamīn al-Mun'aqidah*.**

*Al-yamīn al-Munaqidah* iaitu sumpah yang bersungguh-sungguh dan sah. Ia merupakan suatu sumpah terhadap sesuatu perkara pada masa yang akan datang sama ada untuk dilaksanakan atau meninggalkan sesuatu perkara. Sekiranya seseorang itu melanggar apa yang disumpahkannya maka wajib dikenakan kafarah. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah al-Nahl ayat 91:

وَلَا تَنْقُضُوا الْأَيْمَانَ بَعْدَ تَوْكِيدِهَا

*Bermaksud:*

“Dan janganlah kamu membatalkan sumpah-sumpahmu sesudah meneguhkannya”.

### **ii. *al-Yamīn al-Lagha***

*al-Yamīn al-Lagha* adalah jenis sumpah sia-sia yang mana orang yang melafazkan sumpah tersebut tidak berniat untuk bersumpah. Ianya juga boleh ditakrifkan sebagai sumpah terhadap sesuatu yang tidak disangkakan menepati ianya bersumpah sebagaimana ia bersumpah akan tetapi ternyata tidak tepat atau dalam erti kata lain sumpah yang dimaksudkan dengan sesuatu tetapi lidah menyebut perkataan lain.

Para fuqaha berpendapat bahawa sumpah jenis ini tidak dikenakan kafarat kepada sesiapa yang melanggarnya. Ia boleh diambil kira sebagai sumpah yang tidak mempunyai kesan hukum ke atasnya. Namun demikian menurut mazhab Shafie berpendapat sumpah *lagha* yang berhubung dengan haq orang lain seperti talak dan *Ila'* maka ianya tetap sah. (Al-Syarbini.1994)

### **iii. *al-Yamīn al-Ghumus***

*al-Yamīn al-Ghumus* ialah sumpah bohong yang merendahkan hak-hak atau bertujuan membuat dosa dan khianat serta ia tergolong di antara dosa-dosa besar. *Ghumus* itu bermaksud menjerumuskan pelakunya ke dalam neraka. (Syed Sabiq. 1985)

Mengikut pendapat mazhab Shafie diwajibkan juga kafarat kepada sumpah bohong ini. Ini adalah kerana sumpah *ghumus* adalah termasuk di dalam sumpah *al-munaqidah*. Manakala mazhab Maliki berpendapat tidak boleh dibayar kafarat kepada yang melanggar sumpah *ghumus* kerana keberanian untuk berdusta dengan menggunakan nama Allah S.W.T. tidak wajar dihukum dengan kafarat , bagi mereka

yang sumpah berbohong ini maka kesalahan itu sudah cukup dibalas dengan neraka. (Dr. Abd. Qadir Abu Faris. 1988)

### **- *al-Yamīn* Di Dalam Mahkamah (*al-Yamīn al-Qadhaiyyah*)**

Manakala *al-yamīn al-Qadhaiyyah* adalah semata-mata untuk menguatkan pendakwaan bagi pihak yang bertelingkah seterusnya menyelesaikan pertikaian antara pihak-pihak yang terbabit. *al-Yamīn al-Qadhaiyyah* berfungsi untuk mensabitkan atau menafikan sesuatu dakwaan ke atas seseorang dan ia bergantung kepada niat orang yang mengarahnya iaitu Hakim. *al-Yamīn al-Qadhaiyyah* tidak menerima *tauriyyah* sepertimana yang berlaku dalam *al-yamīn* di luar mahkamah melainkan di hadapan hakim yang zalim. Menurut kitab-kitab fiqh, *al-yamīn* yang dilaksanakan dalam sesuatu penghakiman terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *Yamīn al-Mudda'a 'alaih*, *Yamīn al-Mudda'i* dan *Yamīn al-Syahid*.

#### **i. *Yamīn al-Mudda'a alaih***

*Yamīn al-Mudda'a alaih* ialah sumpah yang dilafazkan oleh yang kena dakwa atas arahan hakim merujuk kepada permohonan yang mendakwa bagi menguatkan jawapan terhadap dakwaan. Ia juga dikenali sebagai *Yamīn al-Asliyyah*, *Yamīn al-Dafi'ah* dan *Yamīn Al-Rafi'ah*. Ulamak Hanafiyyah juga menamakan sebagai sumpah wajib (*Yamīn al-Wajibah*). Para ulamak bersepakat terhadap pelaksanaan sumpah jenis ini dan menurut Abu Hanifah, sesungguhnya *yamīn* tidak akan berlaku melainkan *yamīn* jenis ini (beliau menolak *yamīn al-Syahid* dan *yamīn al-Mudda'i*). (Ibn Qayyim al-Jauziyyah. 1995)

*Yamīn Dafi'ah* kerana ia boleh menolak dakwaan *mudda'i* dalam mensabitkan dakwaannya. Ia juga dinamakan sebagai *Yamīn al-Rafi'ah* kerana ia mengangkat akan pertikaian dan menggugurkan dakwaan. Dinamakan *Yamīn al-asliyyah* kerana ia yang dimaksudkan ketika *diitlaq* dan kebanyakan nas-nas yang datang mengenai *yamīn*

itu. Apabila disebut *yamīn* tanpa *qaid* maka spontan dapat difahamkan *Yamīn al-Mudda'a alaih* dan ia yang dimaksudkan oleh hadith sabagai wasilah pembuktian.

(Dr. Muhammad Mustafa al-Zuhaili. 1982)

## ii. *Yamīn al-Mudda'i*

Seperti yang telah dinyatakan di atas, Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya hanya menerima *Yamīn al-Mudda'a alaih* (sumpah yang didakwa) dan menolak selain daripada itu. Namun jumhur yang terdiri daripada Maliki, Shafie, Hanbali dan lain-lain menerima pakai *yamīn al-Mudda'i*. Menurut para ulamak yang menerima *Yamīn al-Mudda'i*, ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *Yamīn al-Jalibah*, *Yamīn al-Tuhmah* dan *Yamīn al-Istizhar*.

### a. *Yamīn al-Jalibah*

*Yamīn al-Jalibah* ialah sumpah yang dilaksanakan oleh *al-mudda'i* untuk mensabitkan hak-haknya. Sebab-sebab yang memerlukan sumpah ini adakala ianya keterangan seorang saksi sahaja iaitu sumpah bersama seorang saksi (*al-yamīn ma'a al-Syahid*) adakalanya kerana *nukul al-mudda'a alaih* daripada *al-Yamīn al-asliyyah* dan dikembalikan kepada *al-mudda'i* supaya bersumpah atau dinamakan *al-yamīn al-Mardudah* atau *al-Munqalibah*.

Adakalanya *al-yamīn al-Jalibah* digunakan kerana *lauth* iaitu *yamīn al-Qasamah* dalam kes pembunuhan atau kecederaan. Kadangkala ia juga dilaksanakan kerana *Qazaf* suami terhadap isterinya iaitu dikenali sebagai *al-Yamīn al-Li'an* dan adakalanya amanah kerana setiap orang yang diberi amanah dan mendakwa telah memulangkan barang tersebut kepada tuannya. Maka dibenarkan dakwaannya dengan bersumpah kecuali pemegang barang gadai, penyewa dan peminjam tidak dibenarkan dakwaan mereka melainkan jika ada *bayyinah*.

### ***b. al-Yamīn al-Tuhmah***

Iaitu sumpah yang diarah oleh Hakim kepada orang yang mendakwa bertujuan untuk menolak dakwaan yang tidak dapat dipastikan kebenarannya. Sumpah ini diterima pakai oleh mazhab Maliki dan Zaidiyyah.

### ***c. Yamīn al-Istizhar***

*yamīn al-Istizhar* merupakan bentuk *yamīn* yang paling kerap digunakan dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian di Mahkamah-Mahkamah Syariah. *Yamīn al-Istizhar* juga disebut sebagai *Yamīn al-Istithaq* dan ulamak Maliki menamakannya sebagai *Yamīn al-Istibra'* iaitu sumpah yang dilakukan oleh orang yang mendakwa atas permintaan hakim untuk menolak tohmah terhadapnya selepas ia mengemukakan dalil dan keterangan yang diperlukan dalam dakwaan. Ia merupakan penyempurnaan dalil atau keterangan seperti kesaksian dan hasil daripada itu sabitlah dakwaan di sisi hakim.

Pada lazimnya *Yamīn al-Istizhar* ini dilaksanakan bagi tuntutan yang berhubung dengan hak ke atas orang yang ghaib atau mati. *Yamīn al-Istizhar* di laksanakan untuk mengelakkan tohmahan atau dengan kata lain untuk mengukuhkan lagi keputusan yang telah dibuat oleh hakim sekalipun setelah hakim berpuashati dengan keterangan plaintif dan terdapat dua saksi. (Dr. Mahmud Saedon A. Othman. 1990)

Sumpah ini juga adalah adalah bertujuan bagi mendapatkan hak dengan cara yang lebih baik dan untuk memperjelaskan perkara yang hak, kerana itulah ia dinamakan sebagai *yamīn istizhar*, seperti juga dinamakan *yamīn al-istihqaq* dalam kes pemulangan barang gadaian. Dalam *yamīn al-istihqaq* apabila ia mendakwa berhak kepada barang yang dijual di samping membuktikannya dengan *bayyinah* maka ia akan bersumpah bahawa ia tidak menerima haknya, tidak sedikitpun darinya, tidak pernah meng*hiwalah*kannya, tidak menggugurkannya dan tidak gugur ia dari simati itu.

Ibnu Qayim menyokong pemakaian sumpah ini dan berpendapat bahawa ianya dekat dengan kaedah syarak terutama di dalam keadaan tohmah. Sesungguhnya Saidina Ali r.a pernah meminta orang yang menuntut bersumpah walaupun terdapat dua saksi lelaki. Qadhi Syuraih pula meminta seorang lelaki supaya bersumpah beserta keterangan dan bukti. (Ibn Qayyim. 1995)

**- Bilakah dituntut *Yamīn al-Istizhar***

Walaupun para fuqaha' bersependapat tidak boleh diarah *mudda'i* bersumpah apabila ia berjaya mengemukakan keterangan, tetapi mereka mengharuskan dituntut *yamīn* daripada *mudda'i* dalam beberapa yang tertentu. Menurut ulamak Hanafi *Yamīn al-Istizhar* wajib dilaksanakan dalam kes dakwaan yang melibat orang yang telah mati sekalipun ia tidak dituntut sedemikian oleh *mudda'a alaih*. Namun dalam lima kes yang lain menurut Abu Hanifah dan Muhamad perlu dilaksanakan *yamīn* sekiranya terdapat permintaan dari pihak *mudda'a alaih*. Lima kes yang dimaksudkan itu ialah:

- i. Ketika berhak ke atas benda yang diakadkan. Apabila *mudda'i* telah membuktikan haknya ke atas sesuatu harta maka hendaklah ia bersumpah bahawa ia tidak menjual atau memilikkan harta tersebut kepada *mudda'a alaih*.
- ii. Dalam kes *Shuf'ah* hendaklah bersumpah bahawa ia menuntut dan *Syuf'ah* itu seelok-eloknya apabila sahaja ia mengetahui tentang hal itu serta sekali-kali ia tidak membatalkannya.
- iii. Dalam kes nafkah bagi suami yang ghaib yang mana isteri bersumpah bahawa suaminya tidak pernah menceraikannya dan tidak pernah meninggalkan nafkah kepadanya.
- iv. Dalam kes memulangkan barangan yang ada kecacatan, bahawa pembeli bersumpah bahawa ia tidak redha dengan kecacatan yang ada pada barang tersebut.

- v. Dalam kes *khiyar al-bulugh* bagi wanita yang gadis, ia memilih perceraian serta merta.

Menurut mazhab Maliki, *yamīn* hendaklah diarahkan dalam kes yang berkaitan dengan kes nafkah isteri, dakwaan ke atas mereka yang ghaib, anak yatim, waqaf, orang-orang miskin, semua jenis kebajikan, ke atas baitul mal, keatas mereka yang berhak ke atas sesuatu samada haiwan atau lainnya. *Mudda'i* juga akan bersumpah apabila dua orang saksi memberi keterangan ke atas tulisan orang yang berhutang pada kesaksian dengar cakap (*tasamu'* dan *istifadhah*) dan keterangan keatas yang berhutang yang tidak ketahui keadaan kepapaannya. (Salleh Ahmad. 2003)

Menurut mazhab Shafie pula *Yamīn al-istizhar* perlu diarah tanpa permintaan dalam kes dakwaan ke atas orang yang telah meninggal dunia, yang ghaib, kanak-kanak, *al-mahjur*, *al-safih*, *al-majnun* dan orang sempurna akalunya. *Yamīn al-istizhar* sepertimana yang diarah di samping dua orang saksi, diarahkan juga bersama seorang saksi dan sumpah yang mendakwa. Mazhab Hanbali berpendapat *Yamīn al-Istizhar* ini diharuskan apabila ada keterangan ke atas orang yang ghaib atau yang bersembunyi dalam negeri atau orang yang meninggal dunia atau kanak-kana atau orang gila. (Wahbah Zuhaili. 1997)

### **iii. *Yamīn al-Shahid***

*Yamīn al-Shahid* akan dilaksanakan oleh saksi sebelum sesuatu kesaksian dibuat. Sumpah ini bertujuan memberi kebenaran atas kepercayaan. Pada Masa ini *al-yamīn* jenis ini menjadi ganti kepada *tazkiah* kepada saksi dan ia diharuskan menurut pendapat Maliki, Zaidiyyah, Ibn Qayyim, Ibn Abu Laili. *Yamīn al-Shahid* dilaksanakan disebabkan kefasadan yang amat ketara dan kelemahan agama umat masa ini. Namun begitu Jumhur ulamak menolak *Yamīn al-Shahid*. (Zuhaili, Wahbah. 1997)

## **HUKUM AL-YAMĪN**

Yang dimaksudkan hukum *al-yamīn* ialah kesan sumpah setelah ia dilaksanakan di hadapan Hakim.

### **i. Hukum Yamīn al-Mudda'i**

Menurut Jumhur Ulama, apabila *mudda'i* melafazkan sumpah maka sabitlah hak baginya sekalipun sumpah berserta seorang saksi menurut pendapat yang paling sahih bagi Shafie dan pendapat yang muktamad bagi Maliki. Namun menurut Ulama Hanafi, *al-yamīn* tidak berlaku melainkan bagi pihak *mudda'a alaih*. (Yusri al-Sayyid Muhammad. 2000)

### **ii. Hukum Yamīn Al-Mudda'a Alaih**

Para ulama bersepakat mengenai kesan sumpah *mudda'a alaih* iaitu menamatkan perselisihan dan menggugurkan dakwaan keatasnya. Namun pengguguran dakwaan tersebut adalah bersifat sementara menurut jumhur selain dari Malikiyyah sehinggalah *mudda'i* membawa keterangan. (Al-Kasani. 1998. & Ibn Rushd. 1996)

### **iii. Hukum Yamīn al-Istizhar**

*Yamīn al-Istizhar* tidak menjadi sebagai asas pembuktian, ia hanya berfungsi bagi menambah kekuatan dan ketenangan serta menguatkan keputusan hakim yang dibuat oleh Hakim beserta dengan bukti-bukti lain yang telah dikemukakan kepadanya. Lagipun Hakim yang mengarahkan *Yamīn al-Istizhar* supaya selamat dalam penghakiman atau lebih selamat tentang bukti-bukti yang dahulu dalam pendakwaan dan supaya orang yang bersumpah dipertanggung jawabkan sebahagian keputusan hakim di samping menjadi rakan dalam pembuktian. Hakim dinasihatkan

menggunakannya sebagai langkah berhati-hati sebelum menjatuhkan hukuman atau membuat keputusan.

### **YAMĪN AL-MUDDA’I DAN SEORANG SAKSI**

Sebenarnya para ulamak berselisih bagi penghukuman dibuat berdasarkan sumpah dan seorang saksi. Menurut jumhur fuqaha’ terdiri imam Malik, Shafie, Ahmad. Daud al-Zahiri, Abu Thaur menyatakan bahawa hakim boleh mensabitkan kes dan membuat keputusan berdasarkan keterangan seorang saksi dan sumpah *mudda’i* dalam kes-kes yang berkaitan dengan harta. Hanafiyyah, sahabat-sahabatnya, al-Auza’i, Sya’bi, Jumhur Ulamak Iraq dan sebahagian Malikiyyah berpendapat, Hakim tidak boleh membuat keputusan berdasarkan sumpah dan seorang saksi.( al-Kasani. 1998)

Para ulamak Hanafi berhujjah berdasarkan kepada hadith yang telah diriwayatkan oleh imam al-Baihaqi:

البينة على المدعي واليمين على من أنكر

Hadith ini memisahkan di antara *bayyinah* dan *al-yamīn*, ia menunjukkan darjat *bayyinah* dan *al-yamīn* adalah berkedudukan berbeza-beza. Sekiranya *al-yamīn* dibenarkan kepada pihak *mudda’i* atau dengan kata lain kedudukan *mudda’a alaih* dan *mudda’i* adalah sama taraf sudah tentu hadith akan menyebut:

البينة على المدعي و البينة على المدعى عليه

Namun hujah Hanafi ini ditolak kerana *bayyinah* berada di pihak *mudda’i* kerana mereka berada di pihak yang lemah dan mereka perlu mendatangkan *bayyinah* untuk menguatkan hujah-hujah mereka. Sebaliknya *al-yamīn* merupakan hujah yang lemah berbanding dengan *bayyinah* namun ia berada di pihak yang kuat iaitu *mudda’a*

*alaih* dan memadai bagi *mudda'a alaih* menggunakan hujah yang lemah untuk menolak dakwaan yang lontarkan kepada mereka.

Para jumhur berpendapat harus dijatuhkan hukuman berdasarkan sumpah di pihak *al-Mudda'i* dan seorang saksi – pendapat yang rajih - berdasarkan kepada:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قضى بيمين وشاهد

*Bermaksud:*

*“Sesungguhnya Rasulullah S.A.W telah membuat penghukuman berdasarkan yamīn al-mudda'i dan seorang saksi (Muslim)*

Adapun kes-kes yang boleh dihukumkan dengan sumpah *al-mudda'i* dan seorang saksi melibatkan kes-kes *mal* dan yang ada kaitan dengannya sahaja, sementara kes hudud tidak diharuskan sama sekali. Hukum telah disepakati oleh para ulamak tetapi dalam kes-kes lain dari *mal* dan hudud seperti *qisas*, hak-hak badan dan lain-lain, jumhur ulamak terdiri daripada Malikiyyah, Syafiiyyah dan Hanabilah bersependapat tidak harus dihukum berdasarkan sumpah pendakwa dan seorang saksi sahaja.

#### **SYARAT-SYARAT PERLAKSANAAN AL-YAMĪN**

*al-Yamīn* yang dilaksanakan tidak akan diambil kira sekiranya tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, syarat-syarat *al-Yamīn al-Qadhaiyyah* yang disepakati di kalangan ulamak adalah seperti berikut:

- i. Hendaklah yang bersumpah itu seorang yang *mukallaf* dan melakukan sumpah dengan redha bukan dalam paksaan. Oleh itu sumpah yang dilakukan oleh orang bodoh, dipaksa, kanak-kanak dan orang yang tidur adalah tidak diambil kira. Sabda Rasulullah SAW:

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى

يَعْقَلَ

Bermaksud:

*“Tidak dikira dosa bagi tiga golongan iaitu mereka yang tidur sehingga ia bangun, dan kanak-kanak sehinggalah ia baligh dan orang yang gila sehingga kembali siuman”.* (Abu Daud. T.t)

ii. Hendaklah *mudda'a alaih* menafikan tuduhan yang dilemparkan oleh *mudda'i* terhadapnya. Sekiranya *mudda'a alaih* mengaku atau *mudda'i* cukup keterangan maka sumpah tidak diperlukan. Menurut jumah sumpah yang dikenakan apabila menuntut gagal membawa keterangan atau tidak mempunyai keterangan yang kukuh. Jika yang menuntut mempunyai keterangan yang kuat maka tidak sah memintanya bersumpah.

iii. Hendaklah pihak *mudda'i* memohon kepada hakim supaya lawannya bersumpah dan hakim hendaklah mengarah pihak *mudda'a alaih* bersumpah. Sekiranya *mudda'i* tidak meminta *mudda'a alaih* bersumpah maka hakim tidak berkuasa untuk berbuat demikian.

iv. Hendaklah *al-yamīn* bersifat *syakhsiyyah* iaitu dibuat secara langsung untuk dirinya. *al-Yamīn* tidak boleh dibuat untuk pihak lain kerana ia berkait rapat dengan tanggungan orang yang bersumpah dan agamanya. Oleh itu wakil atau wali tidak boleh sama sekali melaksanakan sumpah dan hendaklah ditangguh sehingga ia baligh.

v. Kes yang dilaksanakan sumpah hendaklah tidak ada kaitan dengan hak Allah S.W.T semata-mata seperti hudud atau qisas. Para ulamak bersepakat menyatakan hak Allah S.W.T semata-mata tidak boleh dilaksanakan sumpah.

vi. Hendaklah sumpah mengenai hak-hak yang harus di*iqrarkan*. Maka semua hak-hak yang padanya dibolehkan membuat pengakuan, maka bolehlah *mudda'a alaih* yang mengingkari dakwaan ke atasnya melafazkan sumpah. Oleh yang demikian,

wakil, *wasi* dan *qayyim* (mereka yang dilantik oleh mahkamah menjaga harta anak-anak yatim) tidak boleh bersumpah bagi pihak lain kerana tidak sah iqrar mereka yang melibatkan orang lain.

vii. Hendaklah bersumpah dengan menyebut nama Allah S.W.T atau sifat-sifat-Nya.

## **KONSEP HAK DAN JENIS-JENIS HAK YANG BOLEH DILAKSANAKAN AL-YAMĪN**

### **Konsep Hak**

Dari segi bahasa hak memberi beberapa makna, ini kerana di dalam al-Qur'an hak membawa beberapa maksud yang berbeza antaranya ketetapan, kewajipan dan teserlah dan sebagainya. Dari segi istilah pula, terdapat beberapa definisi yang diketengahkan oleh para ulamak, namun takrif tepat ialah seperti yang telah dinyatakan oleh Syeikh Mustafa al-Zarqa' iaitu hak membawa maksud:

اختصاص يقرر به به الشرع سلطةً أو تكليفاً

“Pengkhususan terhadap seseorang yang diperakukan oleh syara' samada penguasaan terhadap sesuatu atau dipetanggungjawab keatas sesuatu”.

Takrif yang telah dinyatakan oleh Syeikh Mustafa al-Zarqa' lebih tepat dan bersesuaian dalam semua keadaan samada ia berkaitan dengan hak-hak keagamaan seperti hak-hak Allah yang wajib dilaksanakan oleh seseorang hamba yang terdiri dari solat, puasa dan sebagainya.. Selain itu juga takrif ini ada kaitan dengan hak-hak peradaban seperti hak ketaatan yang perlu dilaksanakan oleh seorang anak terhadap ibubapa, isteri terhadap suaminya, hak-hak kenegaraan seperti mentaati kepada pemerintah dan tanggungjawab pemerintah terhadap rakyat. Takrif ini juga menyentuh hak terhadap hak-hak berkaitan dengan harta seperti nafkah dan hak-hak yang bukan harta seperti kuasa terhadap diri sendiri atau terhadap mereka di bawah jagaannya.

## **Pembahagian Hak**

Pembahagian hak in dilihat dari dua sudut iaitu Sahib al-Haq dan *Mahal al-Haq*.

### **i. Sahib al-Haq (Pemilik Hak)**

Sahib al-Haq boleh dikatakan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan dipertanggung jawab terhadap sesuatu hak. Misalnya agama, ia merupakan hak milik mutlak Allah SWT, tidak ada sesiapa berhak untuk mengubahnya dan harta merupakan hak milik manusia dan diberi hak untuk mereka mentadbir serta menguruskannya. Pembahagian hak berdasarkan sahib al-haq terbahagi kepada tiga bahagian iaitu hak Allah, hak insan dan hak *mushtarak* (tergabung antara hak Allah dan hak insan).

#### **- Hak Allah SWT**

Perlaksanaan hak Allah SWT adalah semata-mata bertujuan mendekatkan diri kepada-Nya iaitu dengan cara membesarkannya, menegakkan syiar agamanya atau melaksanakan sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada umum tanpa dikhususkan kepada individu-individu tertentu. Hak ini disandarkan kepada Allah SWT bertujuan mengagongkan-Nya dan menfaatnya adalah menyeluruh iaitu hak untuk mesyarakat. Contoh-contoh hak Allah SWT adalah seperti berikut:

- a. Ibadat yang pelbagai bentuk seperti solat, puasa, haji, zakat, jihad, menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran, nazar, sumpah, menyebut nama Allah sewaktu menyembelih dan seumpamanya.
- b. Mencegah segala bentuk jenayah iaitu melaksanakan hukuman hudud seperti had zina, had qazaf, had mencuri, had pemberontakan dan had meminum arak. Selain itu juga melaksanakan takzir bagi kes-kes jenayah yang pelbagai bentuk juga dikira sebagai melaksanakan hak Allah SWT.

Perlaksanaan hak-hak Allah SWT tidak boleh digugurkan dengan mendapat kemaafan atau perdamaian atau pengguguran dan hak-hak Allah SWT boleh diubah. Hukuman had mencuri tidak boleh digugur sekalipun mendapat kemaafan dari pemilik harta yang dicuri atau mendapat keredhaan dari pemiliknya apabila kes tersebut telah sampai kepengetahuan hakim. Begitu haz zina tidak boleh digugurkan dengan mendapat kemaafat dari suami atau walinya. Hak-hak Allah SWT tidak boleh diwarisi melainkan diwasiat untuk berbuat demikian seperti ibadat haji dan ahli keluarga tidak akan mewarisi hukuman disebabkan jenayah yang dilakukan oleh ahli waris mereka. Sekiranya pelanggaran terhadap hak Allah SWT berlaku secara berulang kali maka hukuman hanya akan dijatuhkan sekali sahaja atau dinamakan sebagai *tadakhul*. Misalnya seseorang itu berzina atau mencuri secara berulang kali maka hukuman hanya akan dijatuhkan sekali.

#### **- Hak Insan (*Hak Al-Ibad*)**

Hak Insan ini adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia samada ia berkaitan dengan hak umum seperti menjaga kesihatan, anak-anak, harta, memastika keamanan dan membenteraskan segala bentuk permusuhan. Hak insan juga bertujuan untuk menjaga hak individu tertentu seperti menjaga hak milik pemilik sesuatu barang, hak peniaga terhadap nilai barangan yang dijual, hak pembeli terhadap barang yang dibeli, hak seseorang mendapat ganti rugi barang yang rosak, hak mendapat balik barang yang dirampas dengan cara tidak syarie, hak isteri mendapat nafkah dari suaminya, hak ibu untuk menjaga anaknya dan lain-lain lagi.

Sekiranya berlaku pelanggaran terhadap hak ini, pemilik hak berhak untuk menggurkan tuntutan terhadap mereka yang mengambil haknya, berhak untuk memaafkan dan melepaskan dari dipersoalkan terhadap pelanggaran haknya, sekalipun telah sampai ke pihak hakim serta ia juga boleh diwarisi sekalipun tidak diwasiatkan untuk berbuat sedemikian. Hukuman terhadap hak insan menerima *tadakhul* iaitu hukuman akan dijatuhkan secara berulang kali sekiranya pelanggaran terhadap hak insan dilakukan secara berulang kali.

- **Hak Mushtarak** .

Yang dimaksudkan dengan hak *mushtarak* ialah terdapat gabungan dua hak sekaligus iaitu hak Allah dan hak insan.. Contohnya:

- a. Tempoh iddah talak, terdapat padanya dua hak iaitu hak Allah SWT kerana menjaga keturunan dari bercampur baur dan terdapat juga hak insan iaitu menjaga nasab keturunan anak-anaknya. Namun dalam hal ini hal Allah lebih kuat berbanding hak insan kearan menjaga nasab keturunan dari bercampur merupakan kemaslahatan kepada umum yang menjadi ciri utama kepada hak Allah SWT. Maka dari segi hukum perlaksanaanya perlu menurut hak-hak Allah SWT seperti yang dijelaskan dalam hak-hak Allah SWT.
- b. Hak qisas merupakan hak untuk waris pihak yang dibunuh. Dalam kes ini juga terkumpul dua hak sekaligus iaitu hak Allah SWT kerana membersihkan dalam masyarakat daripada jenayah bunuh membunuh. Dalam waktu yang sama terdapat hak insan iaitu menyembuhkan perasaan marah dan dendam waris simati. Untuk menghapus perasaan tersebut dilaksanakan hukuman bunuh balas terhadap pembunuh. Dalam hal ini hak insan lebih kuat berbanding hak Allah SWT kerana pelaksanaan qisas bertujuan hak kesamarataan terhadap kesalaha yang dilakukan dilakukan oleh penjenayah. Maka dari segi hukum perlaksanaanya perlu menurut hak-hak Allah SWT seperti yang dijelaskan dalam hak-hak Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذْنَ بِالْأُذُنِ  
وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصًا\*

Bermaksud:

*“Dan kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (Taurat) bahawasanya jiwa dibalas dengan jiwa, mata dengan mata, hidung*

*dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka-luka pun ada qisasnya". (al-Qur'an. Al-Maidah 5: 45)*

## **ii. Mahal al-Haq.**

Iaitu sesuatu yang dikaitkan dengan hak samada ia berbentuk kebendaan atau tanggung jawab atau hukuman. *Mahal al-Haq* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *Hak Mali* dan *Hak Ghair Mali*, *Hak Syakhsi* dan *Hak 'Aini* serta *Hak Mujarrad* dan *Hak Ghair Mujarrad*

### **a. Hak Mali dan Hak Ghair Mali**

- **Hak Mali** ialah hak-hak yang berkaitan dengan harta dan manfaat yang terdapat pada harta tersebut seperti hak peniaga terhadap harga atau nilai barang yang dijual, hak pembeli terhadap barang yang dibeli, hak *syuf'ah*, hak *khair* atau membuat pilihan, hak penyewa terhadap barang yang disewa dan seumpamanya.

- **Hak Ghair Mali** iaitu hak-hak yang tidak ada kaitan dengan harta seperti hak qisas, hak kebebasan, hak isteri meminta perceraian dalam kes suami tidak memberi nafkah atau terdapat kecacatan dan aib pada pasangan atau suami dipenjarakan, hak penjagaan anak-anak, hak keatas diri, hak-hak berkaitan dengan politik dan sebagainya.

### **b. Hak Syakhsi dan Hak 'Aini**

- **Hak Syakhsi** ialah hak yang diiktiraf oleh syarak kepada seseorang keatas orang lain samada ia melibatkan hak yang perlu dilaksanakan seperti hak peniaga terhadap penyerahan harga atau nilai barangan dan hak pembeli terhadap barangan yang dijual, hak insan terhadap hutang dan mengganti barang yang rosak dan mengambil barang yang dirampas dan hak perlaksanaan nafkah oleh suami atau bapa terhadap isteri dan anak-anak. *Hak Syakhsi* juga terlibat perkara yang ditegah seperti hak al- maudi' (penyimpan) keatas al-wadi'(penjaga barangan yang disimpan) untuk tidak menggunakan barangan yang disimpan. *Hak Syakhsi* terdapat tiga unsur iaitu pemilik hak, hak yang dimiliki dan pihak yang dipertanggungjawab terhadap hak tersebut.

- **Hak 'Aini** pula hak yang diktiraf oleh syarak kepada seseorang keatas sesuatu perkara yang bersifat *ain* atau dapat dilihat. Misalnya hak pemilikan, pemilik berhak dan berkuasa untuk menggunakan barangan yang menjadi miliknya itu dan ia berhak untuk melaburkan dan menggunakan menurut kehendaknya seperti wang, tanah, saham dan seumpamanya. *Hak 'Aini* hanya terdapat dua unsur iaitu pemilik hak dan hak yang dimiliki.

**c. Hak Mujarrad dan Hak Ghair Mujarrad**

- **Hak Mujarrad** bermakna apa yang tidak meninggalkan kesan sekalipun dengan penarikan tuntutan atau dakwaan (*tanazul*) samada dengan perdamaian atau pelepasan bahkan kekal *mahal al- haq* keatas mukallaf. Misalnya hak hutang, sekiranya pemiutang menarik balik tuntutan hutang, maka yang berhutang kekal keadaannya sepertimana sebelum berlakunya penarikan tersebut.

- **Hak Ghair Mujarrad** ialah sesuatu yang memberi kesan disebabkan penarikan atau pengunduran (*tanazul*) dari hak seperti hak *qisas* kerana ia berkaitan dengan leher dan darah pembunuh. Penarikan dakwaan memberi kesan yang membawa kepada perubahan hukum iaitu asalnya dihalalkan darah pembunuh kepada sebaliknya disebabkan kemaafan dari keluarga simati. Contoh lain pula, seorang perempuan yang bersuami diharamkan berkahwin dengan lelaki lain sekiranya ia masih lagi diikat dengan akad perkahwinan yang sah. Sekiranya berlaku penarikan atau *tanazul* dari hak seperti suaminya telah menceraikannya, maka ia memberi kesan kepada hukum yang sebelumnya. *Tanazul* menyebabkan perempuan tersebut berhak berkahwin dengan mana-mana lelaki. (Zuhaili.1989)

**- Jenis-Jenis Hak Yang Boleh Dilaksanakan Al-Yamīn**

Jenis-jenis hak dalam pelaksanaan sumpah dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu hak-hak yang bersepatat para ulamak dalam pengharusan melaksanakan *al-yamīn* padanya, hak-hak yang bersepatat para ulamak ketidak harusan melaksanakan *al-yamīn* padanya dan hak-hak yang berselisih di kalangan ulamak sama ada diharus atau sebaliknya melaksanakan *al-yamīn* padanya .

Dalam kes-kes mengenai hak Allah S.W.T semata-mata terutamanya dalam kes hudud seperti zina, tuduh melakukan zina, minum arak dan lain-lain serta kes-kes yang melibatkan ibadat seperti solat, puasa, haji dan sedekah para fuqaha' telah bersetakat tidak dilaksanakan sumpah dalam kes-kes tersebut. Ini adalah kerana kes hudud menjadi gugur atau ditolak dengan disebabkan ada kesamaran (*shubhah*) manakala dalam kes ibadat pula ia merupakan hubungan hamba dengan tuhan. Akan tetapi dalam kes hudud dan kes-kes lain yang bersangkutan dengan hak harta manusia seperti curi maka diharuskan bersumpah.

Dalam kes-kes yang berkaitan dengan *mal*, para fuqaha' telah bersetakat mengatakan bahawa harus bersumpah padanya. Dalam kes ini *mudda'a alaih* dikehendaki bersumpah samada untuk mensabitkan atau menafikan. Kenyataan ini adalah berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah Ali Imran ayat 57:

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَٰئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

#### **Bermaksud:**

*“Sesungguhnya orang-orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah dan mencabuli sumpah mereka, mereka tidak akan mendapat habuan yang baik pada hari akhirat dan Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan memandang kepada mereka pada hari kiamat dan tidak akan membersihkan mereka (dari dosa) dan mereka akan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.*

Sabda Rasulullah S.A.W:

"عن ابن عباس رضي الله عنهما أن النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَوْ يَعْطِي النَّاسَ بِدَعْوَاهُمْ لَا دَعَى النَّاسَ دِمَاءَ رِجَالِ أَمْوَالِكُمْ ، وَلَكِنَّ الْيَمِينَ عَلَى الْمُدْعَى عَلَيْهِ (رواه البخاري ومسلم وغيرهما) ولكن البينة على المدعى واليمين على من أنكر

Bermaksud:

*“Kalaulah manusia diberikan hak (yang dituntutinya) dengan semata-mata dakwaan mereka nescaya terdapat sebahagian manusia akan mendakwa kes-kes yang berkaitan dengan darah dan harta ke atas orang lain, tetapi al-yamīn dikenakan ke atas mudda’ a alaih”.*(Muslim)

Namun begitu dalam kes-kes yang melibatkan beberapa masalah kekeluargaan (*ahwal syakhsiyyah*) para fuqaha’ telah berselisih pendapat samada boleh diminta untuk bersumpah ataupun sebaliknya.

- i. Menurut ulamak mazhab Maliki, *al-yamīn* hanya tidak harus dilaksanakan dalam kes nikah sahaja kerana nikah wajib disaksikan dan diistiharkan.
- ii. Menurut ulamak Hanafi dan Hanbali, kes-kes yang tidak boleh dilaksanakan *al-yamīn* ada tujuh iaitu nikah, talak, nasab, kembali menyetubuhi isteri dalam kes *ila’*, memerdekakan hamba, *al-wala’* dan *istila’*. Ulamak Hanbali menambah satu lagi iaitu *al-qawad* (bunuh balas). Akan tetapi jika maksud sah dakwaan kes-kes ini ialah harta, maka *mudda’ a alaih* boleh diminta bersumpah dan hanya mensabitkan harta tetapi tidak mensabitkan nikah, nasab dan rujuk.

Menurut jumbuh yang terdiri dari Shafie, Abu Yusuf, Muhamad Hassan, Golongan Syiah Imamiyyah, Zaidiyyah dan Ibadiyyah berpendapat arahan bersumpah

dalam kes-kes tersebut adalah harus. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada hadith sebelum ini yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim.

Berdasarkan pengamatan yang telah dibuat, pendapat yang paling rajih ialah pendapat jumbuh iaitu boleh diarah *mudda'a alaih* bersumpah kerana bersandarkan kepada nas-nas yang disandarkan adalah kuat dan umum. Maka setiap kes dan hak yang harus padanya *bayyinah* dan *syahadah*, boleh diarah kepadanya bersumpah sama ada bagi penafian atau pengisbatan.

## **KAEDAH PERLAKSANAAN *AL-YAMĪN* DI MAHKAMAH SYARIAH.**

### **i. Susunan Lafaz *al-Yamīn***

Susunan lafaz *al-yamīn* hendaklah menepati syarat-syaratnya bagi memastikan matlamat *al-yamīn* akan tercapai. Lafaz *al-yamīn* hendaklah dengan menyebut nama Allah S.W.T seperti *Wallahi*, *Billahi* dan *Tallahi* ataupun sifat-sifatNya seperti al-Rahman dan al-Razaq. Menurut Ibnu Abdul al-Bar, tidak harus bersumpah selain dari menyebut nama Allah S.W.T dan ia merupakan *ijma'*. (al-San'ani. 1997)

Sepotong hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar yang mana Rasulullah S.A.W mengetahui yang Saidina Umar r.a bersumpah di atas untanya dengan nama ayahnya kemudian Rasulullah S.A.W memanggilnya dan bersabda:

أَلَا إِنَّ اللَّهَ يَنْهَاكُمْ أَنْ تُحْلَفُوا بِآبَائِكُمْ فَمَنْ كَانَ حَالِفاً فَلْيُحْلَفْ بِاللَّهِ أَوْ لِيَصْمِتَ

“Ketahuilah bahawa Allah S.W.T menegah kamu bersumpah dengan datuk nenek kamu, maka sesiapa di antara kamu yang mahu bersumpah maka bersumpahlah dengan nama Allah S.W.T atau diam”.

Ibnu Umar mendengar seorang bersumpah “ tidak, demi Kaabah” kemudian berkata Ibnu Umar “Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda barangsiapa yang

bersumpah dengan yang lain dari Allah S.W.T maka sesungguhnya ia telah melakukan syirik.

Para fuqaha bersependapat tentang tidak sah sumpah yang dilakukan dengan diberi penambahan atau dihubungkan dengan “*insyaAllah*” kerana perkataan ini adalah membatalkan tujuan sumpah. Ini berdasarkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar bahawa Rasulullah S.A.W bersabda dalam hadith yang telah diriwayatkan oleh Ibn Hibban:

من حلف على يمين فقال : إن شاء الله فلا يحنث

“*Barangsiapa bersumpah kemudian dia berkata insyaAllah, maka tidak dinamakan pelanggaran sumpah*”.

Selain itu juga lafaz *al-yamīn* hendaklah dipadankan tajuk dakwaan yang dibuat samada bentuk penafian atau pengisbatan. Oleh itu Hakim perlu memainkan peranan mereka menyusun lafaz berdasarkan dakwaan atau kes-kes supaya lafaz tidak terkeluar dari permasalahan yang hendak diselesaikan. Contoh lafaz adalah seperti berikut: “Dengan nama Allah, sesungguhnya aku tidak pernah berhutang dengan si pulan”.

## **ii. Niat Ketika Melaksanakan *al-Yamīn***

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, sumpah di luar mahkamah adalah tertakluk kepada niat orang yang bersumpah samada ia bersumpah secara sukarela atau paksaan. Jika hati seseorang bersumpah berniat lain dari apa yang dilafazkan maka ia dinamakan sumpah *Tauriyah*. Namun niat sumpah di dalam mahkamah ialah berdasarkan kepada niat orang yang memintanya bersumpah iaitu hakim atau naibnya dan tidak sah sumpah *tauriah* di sini. (Al-Nawawi, Imam Abu zakaria Yahya ibn Sharf. T.t. *Raudhah al-Talibin*)

Walaupun begitu, menurut golongan Shafie dan Hanbali telah menetapkan dua syarat untuk membolehkan sumpah berdasarkan niat hakim iaitu:

- i. Janganlah hakim menuntut sumpah untuk melakukan talak atau membebaskan hamba.
- ii. Janganlah hakim berlaku zalim atau ceroboh dalam perintah sumpah.

Sekiranya sumpah yang diperintah menyalahi dua syarat di atas, maka harus bagi yang diperintah melakukan *tauriyyah*. Sumpah dalam keadaan ini dikategorikan sebagai “*al-Yamīn Fajirah*”. (Dr. Mahmud Saedon A. Othman. 1990)

### **iii. Bentuk lafaz al-Yamin al-Qadhaiyyah**

Menurut jumhur ulamak seseorang yang bersumpah hendaklah menyebut nama Allah SWT atau nama-nama yang dikhususkan untuk Allah SWT (*al-Asma' al-Husna*) atau dengan sifat-sifatNya seperti *al-Qudrah*, *al-Ilmu*, *al-Hayah* dan sebagainya. Para ulamak juga bersepakat mengenai pengharusan bersumpah dengan *al-Qur'an* dan imam Hanbali menyatakan harus bersumpah dengan kitab-kitab lain yang diturunkan oleh Allah SWT iaitu Taurat, Injil dan Zabur.

Selain itu juga para ulamak bersepakat menyatakan bagi seseorang yang hendak melafazkan sumpah perlu melafazkan dengan sungguh tanpa ada sebarang keraguan terhadap apa yang dilafazkan samada untuk pensabitan hak ataupun penafian tuduhan seperti menyatakan “Dengan nama Allah aku tidak menjual kereta tersebut atau Dengan nama Allah aku telahpun menjual kereta tersebut”. (Zuhaili.1997)

### ***TAGHLĪZ AL-YAMĪN***

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, lafaz *al-Yamīn al-Qadhaiyyah* ialah bersumpah dengan menyebut nama Allah S.W.T atau sifat-sifat-Nya bagi

mengukuhkan pernyataan. Namun begitu dalam keadaan tertentu boleh bagi seseorang hakim memberatkan sumpah atau “*Taghlīz al-Yamīn*” dengan tujuan untuk menakutkan orang-orang yang diarahkan bersumpah seterusnya dapat menghindari dari sumpah palsu. Menurut Ulama Shafie, *taghlīz* adalah disunatkan ketika melaksanakan sumpah. (Ibn al-Sayyid. 1993)

Menurut Jumhur Ulama Harus dilaksanakan pemberatan sumpah dengan. Bagi Hanbali dan Zahiri, *taghlīz* adalah tidak diharuskan melainkan untuk nasrani, yahudi dan majusi. Menurut Maliki, *taghlīz* hanya akan dilaksanakan sekiranya melibatkan harta sejumlah yang sekiranya orang mencurinya akan dipotong tanganya. Menurut Shafie pula *taghlīz* hanya akan dapat dilaksanakan sekiranya pertikaian yang melibatkan harta bernilai nisab zakat. *Taghlīz al-Yamīn* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

**a. *Taghlīz* Dengan Lafaz**

Sumpah tidak dibenarkan sama sekali, melainkan dengan menyebut nama-nama atau sifat-sifat Allah S.W.T. sahaja. Besumpah dengan selain dari nama dan sifat Allah S.W.T seperti nama malaikat atau rasul adalah ditegah. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah S.W.T menegah kamu bersumpah dengan menyebut nenek moyang kamu, maka sesiapa yang hendak bersumpah maka bersumpahlah dengan (nama dan sifat) Allah ataupun diam”.*

*Taghlīz* dengan lafaz dilakukan dalam dua bentuk iaitu:

- Secara berulang-ulang. Namun ia hanya dikhususkan untuk kes *Qasamah* dan juga *li’an*, bahkan mengulang-ulang sumpah dalam kes tersebut merupakan wajib.
- Dengan memperbanyakkan menyebut nama-nama dan sifat-sifat Allah S.W.T. Seperti seseorang itu berkata:

"والله الذي لا إله هو، عالم الغيب والشهادة، الرحمن الرحيم الذي يعلم من السر ما

يعلم من العلانية"

*"Demi Allah yang tiada Tuhan melainkan Dia, Maha Mengetahui yang ghaib atau yang nyata, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Tuhan Maha Mengetahui segala perkara rahsia dan perkara yang jelas"* (Syeikh Sulaiman ibn Muhammad ibn Umar. 2000)

Imam Shafie ada menyatakan: "Sekiranya sesuatu kes diadakan kepada Hakim dan beliau meminta bersumpah dengan talak atau pembebasan hamba maka hakim tersebut layak untuk dipecat kerana ia seorang yang jahil". Selain itu juga menurut Imam Shafie sunat bagi Hakim membaca kepada orang yang hendak bersumpah ayat berikut:

إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا

Menurut sesetengah ulamak Shafie sumpah dibuat sambil berdiri untuk menambahkan *taghlīz*. Ada juga fuqaha yang berpendapat memberatkan sumpah dengan al-Quran adalah baik. Namun al-Mawardi berkata, diberatkan sumpah dengan al-Quran adalah harus dan bukannya sunat. Menurut Imam al-Zarkasyi, bentuk lafaz bagi orang kafir yang bukan dari agama samawi adalah seperti lafaz orang Islam. Namun lafaz sumpah bagi yahudi adalah "Demi Allah yang telah menurunkan Taurat keatas Nabi Musa a.s" dan lafaz bagi yang beragama Nasrani pula "Demi Allah yang telah menurunkan Injil keatas Nabi Isa a.s". (al-Rafi'i. 1997 dan Ibn Abu Dam. 1987)

Mazhab Syafie berpendapat, digalakkan memberatkan sumpah jika sumpah itu dilakukan oleh *mudda'i* iaitu yang terkenal dengan *al-Yamīn al-Mardudah* atau di dalam kes keterangannya yang berdasarkan seorang saksi lelaki atau sumpah yang menuntut. Pemberatan sumpah keatas *mudda'a alaih* juga digalakkan walaupun pihak *mudda'i* tidak menuntut supaya dikenakan sumpah yang diberatkan seperti di dalam kes berhubung dengan nikah, cerai, *li'an* dan *qisas*.

### b. *Taghlīz* Pada Tempat

Menurut Ibn Muflih, *taghlīz al-yamīn* pada tempat tertentu diharuskan sekiranya hakim berpendapat ia perlu dilaksanakan. Sesetengah ulamak shafei berpendapat, *taghlīz al-yamīn* di tempat-tempat tertentu seperti di mimbar Masjidil Haram, Masjid Nabawi, Mimbar Masjid, Maqam Ibrahim, Rukn al-Yamani di Mekah dan seumpamanya adalah disunatkan. Menurut Hanafi pula untuk melakukan *taghlīz* tidak perlu berpandukan kepada tempat atau masa. Ini kerana sekiranya hakim ingin melaksanakan *taghlīz* dan perlu memilih masa atau tempat yang tertentu akan melambatkan proses pelaksanaan sumpah itu sendiri dan ia berlawanan dengan konsep syarak mempercepatkan proses keadilan.

Namun sekiranya dilihat pada pendapat para ulamak mengenai tempat untuk melaksanakan sumpah maka pendapat jumbuh adalah lebih rajih iaitu perlu juga kepada tempat untuk laksanakan *taghlīz*. Menurut Ibn Abu al-Dam Melaksanakan *taghlīz* berpandukan pada tempat yang tertentu merupakan sesuatu yang perlu dilakukan dan bukan setakat sunat sahaja. Kenyataan ini berpandukan kepada sabda Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Imam Malik:

من حلف على منبري آثما ، تبوأ مقعده من النار

“Barang siapa yang bersumpah bohong di atas mimbarku ini nescaya nerakalah tempatnya”

### c. *Taghlīz* Dengan Masa

Menurut imam Nawawi Sumpah pada masa-masa tertentu merupakan sesuatu yang sunat. Kebiasaanya sumpah *al-Qadhaiyyah* sumpah dilakukan selepas solat asar terutama pada hari Jumaat, kerana waktu itu diagongkan oleh ahli-ahli ugama. Golongan Hanabilah berpendapat waktunya selepas asar atau di antara azan dan iqamah kerana waktu itu diharapkan perkenannya do'a. Walaubagaimana pun, ulamak

Hanafi berpendapat untuk menta<sup>ghlī</sup>zkan sumpah tidak perlu bergantung kepada masa dan tempat tertentu.

Pendapat jumhur bersandarkan kepada sabda rasulullah S.A.W dalam sebuah hadith yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah:

"ثلاثة لا يكلهم الله ولا ينظر إليهم: رجل حلف على ساعة لقد أعطى بها أكثر مما أعطى وهو كاذب ، ورجل حلف على يمين كاذبة بعد عصر ليقطع بها مال امرئ مسلم ، ورجل منع فضل ماء فيقول الله له : اليوم أمنعك فضلي كما منعت فضل ما لم تعمل يداك"

Bermaksud:

*“Tiga jenis golongan yang mana Allah S.W.T tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan ambil peduli hal mereka iaitu seorang lelaki bersumpah telah memberi lebih (sesuatu barang kepada kepada orang lain) sedangkan ia berdusta, seorang lelaki yang bersumpah bohong selepas waktu Asar untuk mengambil harta orang muslim yang lain dan lelaki yang tidak memberi air yang padanya pada orang lain sedangkan ia berlebihan. Maka bagi ketiga-tiga golongan tersebut Allah S.W.T akan berkata: pada hari ini aku akan menyekat kelebihan-kelebihanKu sepertimana kamu menyekat kelebihan yang ada pada kamu yang bukan hasil dari usahamu”*

## **KEENGGANAN BERSUMPAH (*NUKUL ‘AN AL-YAMĪN*) DAN SUMPAH YANG DIKEMBALIKAN (*AL-YAMĪN AL-MARDUDAH*)**

Keengganan bersumpah bermaksud *mudda'a alaih* enggan bersumpah setelah diarahkan oleh hakim, sedangkan mengikut proses biasa ia mesti melakukan sumpah. Persoalannya sekarang, sekiranya *mudda'a alaih* enggan bersumpah adakah hakim boleh menghukumnya berdasarkan keengganannya atau dikembalikan sumpah kepada *mudda'i*?

Menurut Pendapat sahabat Hanbali, Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya, dihukum ke atas *mudda'a alaih* kerana keengganannya bersumpah. Ini kerana Saidina Uthman r.a pernah menghukum Ibn Umar kerana keengganannya bersumpah. Saidina Uthman memutuskan kes yang dibawa kepadanya diantara Ibnu Umar dengan seorang lelaki. Ibnu Umar menjual hamba kepada seorang lelaki setelah berada dalam milik pembeli didapati ada kecacatan lalu dibawa ke hadapan Saidina Uthman meminta supaya Ibnu Umar bersumpah. Oleh kerana Ibnu Umar tidak mahu bersumpah maka Uthman menjatuhkan hukuman hamba tersebut dikembalikan kepada Ibnu Umar.

Menurut Hanafi, keengganan bersumpah di pihak *al-Mudda'a alaih* boleh dikira ia mengakui dakwaan *mudda'i*. Sekiranya ia berada dipihak yang benar kenapakah ia enggan untuk melaksanakan sumpah seperti yang dituntut. Qadhi Syuraikh pernah menjatuhkan hukuman berdasarkan kepada *nukul al-yamīn* tanpa mengembalikan sumpah kepada yang menuntut. Di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas bahawa Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud: "Keterangan di atas yang mendakwa dan sumpah di atas yang ingkar". Di dalam hadith ini tidak pula Rasulullah S.A.W menyatakan sumpah dikembalikan kepada yang menuntut. Beban pembuktian mestilah di tangan yang mendakwa dan yang kena tuntutan boleh melakukan sumpah untuk membuat penafian. (Ibn Qayyim. 1995)

Menurut jumhur ulamak yang terdiri dari Umar, Ali, al-Auza'i, Syuraih, Ibn Sirin Nakha'ie, golongan Shafie, Maliki dan menurut salah satu riwayat Imam Ahmad menyatakan tidak boleh dihukum ke atas *mudda'a alaih* kerana ia enggan bersumpah bahkan hendaklah dikembalikan sumpah itu kepada *mudda'i* atau *al-yamīn al-*

*Mardudah*. Saidina Umar r.a pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W telah memulangkan sumpah kepada yang mendakwa. Imam Nawawi menyatakan, sekiranya *mudda'a alaih* enggan bersumpah maka sumpah hendaklah dikembalikan kepada *mudda'i*. Apabila *mudda'i* bersumpah maka hukuman akan dijatuhkan disebabkan sumpah tersebut dan bukannya disebabkan keengganan *mudda'a alaih* bersumpah. (Ibn Qayyim. 1995, Mahmud Sedon. 1990 dan Al-Nawawi. 2000)

Golongan ketiga berpendapat, hendaklah memaksa *mudda'a alaih* bersumpah apabila dituntut ia melakukan demikian. Sekiranya hendaklah dipenjarakan sehinggalah ia bersumpah atau iqrar. Tidak boleh sama sekali menghukum disebabkan keengganan bersumpah dan begitu juga tidak dikembalikan sumpah kepada *mudda'i*. Ini merupakan pendapat Zahiriyah. Bagi pendapat golongan ini juga *al-yamīn al-Mardudah* hanya berlaku pada *qasamah* atau wasiat sekiranya tidak ada saksi melainkan orang kafir. (Muhammad Solih Madkur. t.t.)

Berdasarkan pada ketiga-tiga pendapat, pendapat yang rajih adalah jumbuhur. Pendapat ini lebih sesuai dengan prinsip keadilan kerana tidak wajar dijatuhkan hukuman ke atas seseorang yang didakwa semata-mata kerana kegagalan *mudda'i* membuktikan kebenaran dakwaannya. Juga tidak wajar dijatuhkan hukuman hanya disebabkan kenggan *mudda'a alaih* untuk bersumpah, sedangkan pada prinsip asal yang menanggung beban pembuktian ialah *mudda'i*. Keenggannya bersumpah tidak bererti ia bersalah tetapi mungkin ia ingin menjaga maruah dan kehormatannya.

## BAB II

### *AL-YAMĪN* DI MAHKAMAH SYARIAH

#### SEJARAH UNDANG-UNDANG KETERANGAN DI MALAYSIA

*Al-yamīn* merupakan salah satu daripada keterangan yang diterima pakai di Mahkamah Syariah Malaysia. Peruntukan undang-undang mengenai *al-yamīn* sebenarnya diperuntukkan di bawah undang-undang keterangan Syariah negeri-negeri di Malaysia. Setiap negeri mempunyai enakmen keterangan syariah masing-masing termasuk bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Bagi memahami perjalanan peruntukan undang-undang mengenai *al-yamīn* ini adalah lebih baik kita menyorot kembali serba sedikit sejarah undang-undang keterangan Islam di Malaysia secara umum.

##### **i. Sejarah Undang-undang Keterangan Sebelum Kemerdekaan**

Pada awal abad ke limabelas pengaruh agama Islam mulai menguasai Tanah Melayu melalui aktiviti pedagang arab yang datang untuk berniaga dan menyebarkan Islam. Melaka pada masa itu menjadi pusat perdagangan terkemuka dan menjadi pusat kegiatan ekonomi antarabangsa. Oleh kerana faktor Melaka yang strategik itulah maka Islam dapat disebarkan dengan berkesan hinggakan dapat mengIslamkan seluruh tanah Melayu dalam masa yang amat singkat.

Merujuk kepada undang-undang keterangan sewaktu pemerintahan Melaka, mahu tidak mahu kita perlu merujuk kepada perkembangan undang-undang Melaka dan kanun-kanun negeri yang lain. Jika ditinjau undang-undang Melaka, dapat dilihat bahawa undang-undang perkahwinan Islam, undang-undang jenayah, jualan dan keterangan telah dilaksanakan di dalam kanun-kanun negeri dan Melaka. Kewujudan undang-undang ini jelas membuktikan bahawa undang-undang Islam khususnya Undang-undang keterangan Islam telah dilaksanakan lebih ratusan tahun yang lalu.

##### **- Undang-undang Melaka**

Undang-undang ini mengandungi 44 Bab yang terdiri daripada Undang-undang Melaka Tulen, Undang-undang Laut, Perkahwinan Orang Islam, undang-undang Jualan dan keterangan, undang-undang negeri dan undang-undang Johor (Liaw Yock Fang. 1976: 31-38). Agama Islam telah menjadi agama rasmi Melaka pada ketika itu. Terdapat hakim-hakim yang terkenal semasa era Melaka seperti Kadi Yusof, Kadi Monawar, Kadi Sadar Johan dan Sharif Muhammad Kebungsuan (Hamid Jusoh 1992: 4-8).

Terdapat lebih daripada 25 peratus peruntukan tempatan berhubung dengan undang-undang perkahwinan, undang keterangan dan undang-undang jenayah. Bab 25.1 menyentuh tentang penjaga dan bersabit soal keizinan, Bab 25.2 mengenai Bab Ijab dan Qabul, Bab 29 berhubung dengan timbangan dan ukuran, Bab 30 mengenai undang-undang penjualan dan larangan riba, Bab 31 berkaitan rukun-rukun penjualan tanah, Bab 32.1 berkenaan dengan kebangkrapan, Bab 33 merujuk kepada rukun-rukun perkongsian dan Bab 34 berkaitan rukun-rukun pemegang amanah (Hamid Jusoh 1992: 8).

Walaupun pada dasarnya undang-undang ini tidak secara langsung menyebut undang-undang keterangan tetapi secara tidak langsung dapat difahami bahawa perlu adanya satu undang-undang untuk membuktikan setiap kes yang didengari di hadapan hakim atau kadhi. Ini terbukti dengan adanya bahagian akhir undang-undang Melaka yang menyentuh rukun-rukun berkaitan dengan undang-undang keterangan. Bab 35 menyentuh mengenai pemberitahuan. Bab 37 rukun-rukun mengenai testimoni saksi dan kesahihannya. Bab 38 rukun-rukun mengenai prosedur dan melakukan angkat *al-yamin*.

Undang-undang jenayah disebut di dalam lima bab yang berikutnya iaitu pada Bab 36 rukun-rukun murtad, Bab 39 rukun pembunuhan, bab 40 rukun-rukun zina, bab 41 rukun qazaf dan bab 42 rukun-rukun minum arak.

Pemakaian undang-undang keterangan ini dapat dilihat pada Bab 5.3 berkenaan dengan pembunuhan pezina (Hamid Jusoh 1992: 8). Sekiranya pezina melarikan diri ke dalam halaman orang dan pemilik bersemuka dengannya dan dalam pertengkaran pezina terbunuh maka tidak ada dakwaan. Ini membuktikan bahawa

pemilik rumah boleh membuktikan bahawa beliau tidak bersalah membunuh pezina di halaman rumahnya dengan membawa bukti bahawa yang dibunuh adalah pezina.

#### **- Undang-undang Negeri Lain di Tanah Melayu.**

Undang-undang Pahang telah digubal semasa pemerintahan Sultan Abd Ghafar Muhaiyuddin Syah (1592-1619) berpandukan Risalah Hukum Kanun. Undang-undang ini dibahagikan kepada empat bahagian. Iaitu Bab 24-44 mengenai muamalat seperti urusan niaga dan jaminan, Bab 46-59 mengenai undang-undang jenayah dan denda. Bab 58-61 mengenai Obligasi Asasi Keagamaan. Bab kedua iaitu Bab 40 hingga 65 menyentuh mengenai testimoni dan Pensaksian (Hamid Jusoh 1992: 9-11).

Bab 40 jenis-jenis testimoni dan sifat-sifatnya, Bab 63 mengenai rukun-rukun pensaksian dalam Islam dan ciri-cirinya. Bab 64 rukun-rukun mengenai kedudukan hamba dan tuannya atau bekas tuannya dan Bab 65 mengenai hukum taazir terhadap saksi yang bohong dan rukun-rukun prosedur kehakiman berkaitan penuntut dan defendan.

Di Kedah peruntukan Undang-undang Datuk Seri Paduka Tuan menyebut bahawa pencuri, perompak, penyabung ayam, pengedar candu, penjudi, pemuja pokok dan batu, pemabuk, segala perbuatan tersebut adalah bertentangan dengan perintah Allah dan mesti dilaporkan kepada penghulu (Winstedt 1928: 8). Kegagalan boleh dikenakan denda.

Undang-undang di Kelantan sekitar abad ke 19 mengamalkan bahawa mufti mendengar kes perkahwinan, perceraian manakala hakim membicarakan kes jenayah yang berlandaskan kepada undang-undang Islam dan adat (Mohd Nik Mohd Salleh 1974: 23).

Di Terengganu, pengaruh undang-undang Islam banyak mempengaruhi pemerintahannya. Perlembagaan Terengganu telah diisytiharkan sebagai *Iqtanul Muluk fi al-ta'dil al-suluk* iaitu memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama rasmi Terengganu. Pemerintah Terengganu amat memberatkan pelaksanaan undang-undang syariah sehinggakan Sultan juga perlu patuh kepada undang-undang dan ketaatan kepadanya boleh ditarik balik sekiranya berlaku kemungkiran kontrak.

Di Johor, undang-undangnya adalah berdasarkan Risalah Hukum Kanun. Undang-undang Syariah di Johor juga banyak terpengaruh dengan undang-undang Islam yang disusun di Turki dan Mesir (Hamid Jusoh 1992: 15). Misalnya *Majallah Ahkam* telah dijadikan sebagai Majallah Ahkam Johor dan Hanafite Code of Qadri Pasha telah disesuaikan sebagai *ahkam syariyah Johor*.

Secara umumnya, negeri-negeri di Malaysia telah lama mempraktikkan undang-undang Islam. Ianya telah menjadi sebatu di dalam hidup masyarakat Melayu terutamanya mengenai pelaksanaan undang-undang Islam. Namun begitu undang-undang ini mendapat pengaruh yang kuat juga dengan undang-undang adat. Sememangnya tidak banyak rujukan mengenai pemakaian undang-undang keterangan Islam sewaktu pemerintahan awal negeri-negeri Melayu. Namun demikian pelaksanaan undang-undang Islam dan kewujudan Mahkamah Syariah dan profesion kadhi menunjukkan bahawa undang-undang keterangan Islam telah lama digunakan di Malaysia lebih ratusan tahun yang lalu.

## **ii. Undang-undang keterangan Islam semasa pemerintahan British.**

Kedatangan Portugis, Belanda dan pemerintahan Jepun tidak banyak mempengaruhi undang-undang di Malaysia. Pemerintahan British telah mempengaruhi sebahagian besar aplikasi undang-undang Islam. Undang-undang Inggeris telah mula masuk melalui Piagam Keadilan 1807 dan diikuti dengan beberapa undang-undang Inggeris yang diamalkan.

British telah memisahkan bidang kuasa di dalam pentadbiran kerajaan di antara aspek kenegaraan dan keagamaan. Akibatnya undang-undang Islam hingga kini hanya merujuk kepada aspek perkahwinan, perceraian, harta pusaka dan pewarisan, amalan agama manakala aspek yang lain seperti undang-undang komersial, kontrak, diletakkan di bawah undang-undang sivil.

Sehubungan dengan itu juga, undang-undang keterangan Islam di Malaysia semakin tidak diaplikasikan. Terdapat kes-kes di mana undang-undang keterangan Islam diketepikan dan prinsip-prinsip undang-undang Inggeris digunakan. British telah membawa masuk Akta Keterangan 1950 untuk dilaksanakan di Malaysia. Akta Keterangan 1950 ini adalah bermodelkan Akta Keterangan India 1872 yang telah

digubal oleh Sir James Stephen. Akta Keterangan ini merupakan usaha beliau untuk mengkodifikasikan prinsip-prinsip undang-undang Common Law di dalam satu Akta. Ianya berlandaskan kepada undang-undang yang telah diputuskan oleh hakim-hakim di England.

Setelah itu, undang-undang keterangan Islam semakin dilupakan dan tidak diamalkan dalam erti kata yang sebenarnya. Ianya diletakkan di dalam kes-kes tertentu meliputi hal ehwal kekeluargaan dan pentadbiran harta Islam. Walaupun undang-undang Islam merangkumi hal ehwal demikian, undang-undang Inggeris kerap kali mengganggu dan mencampuri urusan orang Islam dan memutuskan sesuatu kes mengikut undang-undang common law.

### **iii. Undang-undang Keterangan Islam Selepas Kemerdekaan.**

Malaysia telah mendapat kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957. Artikel 3 (1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Namun demikian undang-undang Islam hanya berkaitan mengenai keluarga, warisan dan terhadap kepada orang-orang Islam.

Jika kita merujuk kepada kes-kes yang diputuskan di Mahkamah di Malaysia ada terdapat beberapa kes lama yang merujuk kepada undang-undang keterangan Islam. Namun begitu ianya tidak menjadi rujukan wajib Mahkamah dalam menentukan sesuatu kes. Mahkamah sivil akan menggunakan Akta Keterangan 1950 manakala Mahkamah Syariah melaksanakan undang-undang keterangan Islam yang diperuntukkan di bawah enakmen keterangan syariah negeri masing-masing.

Di dalam kes *Ainan bin Mahmud lwn Syed Abubakar* [1939] MLJ 209, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa seorang anak yang dilahir empat bulan selepas perkahwinan ibunya dengan seorang bernama Mahmud adalah anak sah taraf. Keputusan itu mengikut seksyen 112 Enakmen Keterangan tetapi amat jelas keputusan itu berlawanan dengan undang-undang Islam. Hakim di dalam kes itu berpendapat bahawa di dalam soal kesahtarafan anak mengenai orang-orang Islam, seksyen 112 Enakmen Keterangan 1950 terpakai dan menyingkirkan undang-undang keterangan

Islam. Sebaliknya jika perkara itu di bawa ke Mahkamah Syariah undang-undang Islamlah yang digunapakai.

Kes di atas menunjukkan bahawa undang-undang mengiktiraf pelaksanaan undang-undang keterangan Islam tetapi mahkamah berhak untuk mengambil atau menolaknya. Mahkamah di dalam kes ini mengeneipkan keterangan yang diterima pakai hukum syarak dan mengaplikasikan Enakmen Keterangan 1950 yang berlandaskan undang-undang Inggeris. Hingga kini undang-undang keterangan yang digunapakai terdapat berlawanan dengan undang-undang Islam.

Pada tahun 1988, Perkara 121 perlembagaan Persekutuan telah dipinda dengan menyebut di fasal (1A) maksudnya Mahkamah Tinggi Sivil tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Pada masa dahulu sebelum pindaan itu dibuat terdapat banyak kes di mana Mahkamah Sivil telah membuat keputusan mengenai perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan adakalanya telah mengubah keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah.

Kesan daripada itu juga, kini penyusunan semula hal ehwal pentadbiran agama Islam di negeri-negeri telah diasingkan di antara kuasa majlis Agama Islam, Mufti dan mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah diadakan di tiga peringkat Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Rayuan boleh dibuat dari Mahkamah Rendah Syariah kepada Mahkamah Tinggi Syariah dan dari Mahkamah Tinggi Syariah ke Mahkamah Rayuan Syariah.

Bidang kuasa Mahkamah Syariah hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam. Oleh kerana itu Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa apabila mana-mana pihak yang terlibat bukan orang Islam. Pada masa sekarang bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah ialah sangat terbatas. Mengikut Perlembagaan Mahkamah Syariah adalah mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan. Mengikut Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act, 1965, Mahkamah Syariah hanya diberi bidang kuasa mengenai kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih enam bulan atau denda tidak lebih RM1000.00 atau kedua-duanya.

Bidang kuasa itu telah ditambah pada tahun 1984 dengan pindaan kepada Akta itu dan Mahkamah Syariah diberi bidang kuasa mengenai kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih tiga tahun atau dengan tidak lebih RM5000.00 atau sebat tidak lebih enam sebat atau gabungan hukuman itu. Jika dilihat, bidang kuasa ini masih rendah dari bidang kuasa Magistret Kelas 1 yang biasanya boleh membicarakan kes yang boleh dihukum dengan penjara sepuluh tahun dan boleh menjatuhkan hukuman lima tahun penjara atau denda \$10,000 atau sebat dua belas pukulan atau gabungannya.

Selepas pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan itu ternampak perubahan sikap Mahkamah Sivil. Dalam kes *Dalip Kaur lwn Pegawai Polis*, Bukit Mertajam [ 1982 ] 1 MLJ 1; [ 1982] 8 JH 306 perayu telah memohon deklarasi bahawa anak lelakinya pada masa ia meninggal dunia pada 3 Oktober 1991 bukan seorang Islam dan atau ia telah keluar daripada Islam dan untuk deklarasi lanjutan bahawa ia berhak mendapat mayat si mati itu. Si mati telah dilahirkan seorang Sikh dan dididik mengikut ugama Sikh. Ia telah memeluk ugama Islam pada 1 Jun 1991 di hadapan Kadi Daerah Kulim dan kemasukannya telah didaftar mengikut seksyen 139 Enakmen Pentadbiran Agama Islam, 1962, Kedah. Perayu telah berhujjah bahawa selepas simati memeluk ugama Islam ia telah melalui Deed Poll pada 9 September 1991 menolak ugama Islam dan kembali kepada amalan kepercayaan Sikh. Si mati dikatakan juga telah diterima balik ke ugama Sikh oleh seorang padri Sikh, selalu sembahyang di kuil Sikh, memakan babi dan tidak berkhatan.

Namun demikian ada juga keterangan yang diberi bahawa si mati telah bertunang dengan seorang perempuan Islam dan perkahwinan mereka telah ditetapkan pada 15 November 1991. Di dalam perbicaraan di hadapan Mahkamah Tinggi, Yang Ariff Pesuruhjaya Kehakiman, Dato' Abdul Hamid bin Haji Mohamad telah memutuskan bahawa tandatangan di Deed Poll itu bukan tandatangan si mati dan beliau juga menolak keterangan padri Sikh dan abang si mati mengenai penerimaan semula si mati ke ugama Sikh dan kehadirannya di sembahyang di kuil Sikh.

Beliau memutuskan bahawa si mati adalah seorang Islam semasa ia meninggal dunia. Apabila rayuan dibuat di Mahkamah Agung, ianya telah menghantar kes itu balik ke Mahkamah Tinggi supaya Yang Ariff Pesuruhjaya Kehakiman merujuk

beberapa soalan mengenai Hukum Syarak yang timbul kepada Jawatankuasa Fatwa Kedah. Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa si mati adalah seorang Islam kerana ia telah disabit ke Islamannya dengan ia mengucap dua kalimah syahadah di hadapan Kadi seperti yang tercatat di dalam surat ikrar orang yang masuk Islam dan berkekalan Islamnya kerana tidak ada hukuman dari mana-mana Mahkamah Syariah Negeri Kedah yang mensabitkan ia terkeluar daripada Islam.

Di dalam kes ini undang-undang keterangan Islam telah digunapakai dan rujukan kepada pihak berautoriti Islam dibuat untuk memastikan keputusan yang dibuat adalah bertepatan dengan hukum syarak.

Secara ringkasnya, kini di Malaysia terdapat dua undang-undang keterangan iaitu Akta Keterangan 1950 dan Enakmen atau Akta Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri. Akta Keterangan 1950 digunapakai di Mahkamah Sivil. Ianya diambil keseluruhannya dari Akta Keterangan India 1872 yang telah digubal oleh Sir James Stephen (Rafiah Salim 1994: 5). Manakala undang-undang keterangan Islam digubal berlandaskan sumber-sumber perundangan Islam seperti *al-Quran*, *al-Sunnah*, *Ijma*, *Qiyas*, *Kitab Fiqh* dan pandangan para fuqaha dengan mengambil kira keadaan semasa di Malaysia.

#### **iv. Undang-undang Keterangan Islam di Selangor dan Wilayah Persekutuan.**

Agama Islam di negeri Selangor telah ada di awal kurun 15 melalui Melaka kerana Selangor pada masa itu di bawah takluk empayar Melaka. Pada zaman pemerintahan Melaka, telah wujud jawatan kadi di Mahkamah Syariah. Sejarah penubuhan mahkamah syariah di negeri Selangor Darul Ehsan telah wujud dalam kurun ke – 17 lagi. Kenyataan ini berdasarkan kepada undang-undang yang dikanunkan dan jawatan kadi.

Pada tahun 1884, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor telah mengiktiraf jawatan kadi dan imam, selanjutnya mengambil keputusan untuk melantik seorang kadi untuk

menyelesaikan segala masalah hukum-hukum agama Islam dan juga adat istiadat Melayu. Pada masa itu juga DYMM Sultan telah melantik seorang kadi disebut sebagai “Kadi Selangor” dengan memberi gaji sebanyak RM 900.00 setahun. Masa ini hanyalah setakat tahun 1892 dan kemudiannya jawatan tersebut ditukar namanya kepada “Chief Kadi”.

Undang-undang Mencegah Berzina Tahun 1894 (Prevention of Adultery Regulation 1894) adalah undang-undang pertama yang dikanunkan di negeri Selangor. Diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 26hb.September, 1894 dan undang-undang ini hanya berkuatkuasa untuk orang Islam sahaja. Mengikut undang-undang ini , seorang lelaki yang melakukan perhubungan jenis dengan seorang perempuan yang telah bersuami adalah bersalah dan boleh dihukum 2 tahun penjara bagi lelaki dan 1 tahun penjara bagi perempuan dan mungkin kedua-duanya didenda. Dalam masalah ini mahkamah akan bertindak ke atas pengaduan yang dibuat oleh suami perempuan itu atau orang lain yang bertanggungjawab atas perempuan itu di masa suaminya tiada.

Pada tahun 1900 pula, Majlis Mesyuarat Negeri telah meluluskan Undang-undang Pendaftaran Nikah Kahwin dan Cerai Orang-Orang Islam 1900 (Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment 1900) iaitu undang-undang berhubung dengan nikah kahwin dan cerai orang-orang Islam di negeri Selangor.

Undang- undang ini memperuntukkan suami atau wali hendaklah melaporkan perkahwinan kepada kadi atau naib kadi daerah dalam masa 7 (tujuh) hari selepas akad nikah dan kadi atau naibnya hendaklah mendaftarkannya dan mengeluarkannya sijil perkahwinan. Begitu juga dengan perceraian, hendaklah dilaporkan kepada kadi dalam masa 7 tujuh selepas bercerai dan sijil cerai akan dikeluarkan kepada mereka yang berkenaan. Sekiranya ini tidak dipatuhi, tindakan boleh diambil dengan hukum denda tidak melebihi daripada RM 25.00

Dengan adanya undang-undang tersebut dan untuk membicarakan hal nikah kahwin dan cerai, maka diadakan mahkamah kadi. Pada tahun 1900 juga, jawatan kadi mula diperluaskan ke daerah-daerah dalam negeri Selangor dan pada tahun 1922 tiap-

tiap daerah ada kadinya masing-masing iaitu daerah Klang, Kuala Lumpur, Kuala Langat, Ulu Langat, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Kuala Kubu dan Rawang.

Pada tahun 1948 Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah ditubuhkan, dengan itu usaha menggubal undang-undang telah dilakukan dan menghasilkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952 dengan nama Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952 dan mula dikuatkuasakan pada 5 Disember, 1952. Dengan adanya undang-undang ini maka termansukhlah undang-undang terdahulu daripadanya. Sehingga ke hari ini Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor telah mengalami pindaan beberapa kali.

Pada tahun 1984 Undang-undang Keluarga Islam Selangor No. 4 tahun 1984 telah diluluskan dan dikuatkuasakan pada 23 Januari, 1989 di seluruh negeri Selangor. Perlaksanaan Undang-undang ini telah memansukhkan bahagian ke 6, 7seksyen 155, 156, 158, 160 dan 178 perenggan (n) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952.

Pada tahun 1989 Enakmen Perundangan Islam Selangor No. 2 tahun 1989 telah diluluskan. Berdasarkan enakmen inilah Mahkamah Syariah Selangor ditubuhkan secara rasmi dan berasingan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pada tahun 1991, Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah Selangor No. 6 tahun 1991 dan Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor No. 7 tahun 1991 telah diluluskan dan mula dikuatkuasakan pada 1hb.September,1991. Mulai tarikh itu Mahkamah Syariah Selangor telah diasingkan secara rasminya dari JAIS. Pada tahun 2003 nama Mahkamah Syariah Selangor telah ditukar kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor selaras dengan perkembangan dan peningkatan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

Berkenaan dengan undang-undang keterangan sebagai undang-undang substantif di Selangor, undang-undang keterangan yang pertama diluluskan ialah Enakmen Keterangan Syariah No.6 Tahun 1996 dan yang terbaru ialah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 telah diluluskan dan diwartakan pada 24 Julai 2004.

Di Wilayah Persekutuan, sejarahnya amat berbeza dengan mana-mana negeri di Malaysia. Ianya merupakan wilayah baru yang diisytiharkan pada tahun 1974. Kini Wilayah Persekutuan merujuk kepada tiga kawasan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Wilayah Persekutuan merupakan salah satu daripada negeri yang membentuk Malaysia. Wilayah Persekutuan ditadbir secara langsung oleh kerajaan persekutuan di bawah bidang kuasa Perdana Menteri melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dan pihak berkuasa tempatan.

Kuala Lumpur pada mulanya dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor, telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan pada 1 Februari 1974. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mula membangun dengan begitu pesat sesuai dengan gelaran bandaraya yang diperolehinya pada tahun 1972. Kuala Lumpur pada mulanya menggunakan undang-undang keterangan syariah Selangor yang termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Islam Selangor kerana ia sebahagian daripada wilayah Selangor. Begitu juga dengan Putrajaya yang sebelum ini merupakan kawasan di daerah Selangor dan kemudiannya telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001. Undang-undang keterangan yang digunapakai sebelum itu ialah Enakmen Pentadbiran Islam Selangor dan juga Enakmen Keterangan Syariah Selangor 1996.

Pada 16 April 1984, Labuan telah menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan Malaysia. Dengan itu undang-undang yang digunapakai sebelum itu adalah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah 1972. Wilayah Persekutuan kini telah mempunyai undang-undang keterangannya sendiri pada tahun 1997 dinamakan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Kini Wilayah Persekutuan merupakan wilayah yang terbaru membuat pindaan pada undang-undang keterangannya iaitu Undang-Undang Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

#### **v. Pemakaian *Al-Yamīn* Di Dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Selangor Dan Wilayah Persekutuan.**

Umumnya pemakaian *al-yamīn* sebagai salah satu keterangan yang diterima di Mahkamah Syariah diperuntukkan di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Adalah lebih baik sekiranya kita melihat kandungan enakmen-enakmen ini secara keseluruhan terlebih dahulu dan kemudiannya membincangkan secara mendalam penggunaan *al-yamīn* di Mahkamah Syariah dan peruntutannya di dalam enakmen ini.

Di Selangor, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 mempunyai 131 seksyen termasuk Jadual yang dilampirkan dibelakangnya. Seksyen ini dibahagikan kepada beberapa Bahagian iaitu Bahagian 1 Kerelevenan, Bahagian 2 Pembuktian, Bahagian 3 Pengemukaan dan Kesan Keterangan dan Bahagian 4 Peruntukan Am. Enakmen ini juga dibahagikan kepada beberapa Bab iaitu di bawah Bahagian 1 terdapat Bab Permulaan, Qarinah. Di Bahagian 2 terdapat Bab Fakta yang Tidak Perlu Dibuktikan dan Bab Keterangan Lisan, Dokumentar dan dokumen awam. Di Bahagian 3 terdapat Bab Beban Membuktikan, Saksi, Pemeriksaan Saksi dan peruntukan Khas Berhubungan dengan Testimoni Saksi.

Peruntukan *al-yamīn* diletakkan di bawah seksyen 87, 88 dan 129 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Seksyen 87 menyebut bahawa: (1) Dalam kes mal keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan jika defendan menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut hukum syarak. (2) (a) Jika defendan mengangkat sumpah di bawah subseksyen (1) tuntutan yang dibuat oleh plaintif hendaklah ditolak. (b) Jika defendan enggan mengangkat sumpah maka Mahkamah bolehlah meminta plaintif mengangkat sumpah dan dengan sumpah itu tuntutannya hendaklah diterima.

*Al-yamīn* tidak boleh dilaksanakan di dalam kes jenayah berdasarkan peruntukan seksyen 87 (3) yang menyatakan bahawa keterangan hendaklah diberikan bagi pendakwa dan bagi tertuduh melainkan jika tertuduh mengaku salah.

Seksyen 88 pula menyentuh pemakaian sumpah pada ketika keterangan oleh saksi tunggal dan sumpah plaintif. Seksyen 88 menyatakan bahawa: Jika kes mal, plaintif hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika keterangannya diberikan berserta dengan sumpah plaintif itu. Seksyen ini

juga memberikan contoh dengan merujuk kepada tuntutan bagi pembayaran balik hutang oleh plaintif kepada defendan. Keterangan saksi yang dikemukakan oleh plaintif yang diberikan bersama sumpah plaintif hendaklah menjadi bukti yang cukup terhadapnya.

Seksyen 129 memperuntukkan bila masanya saksi boleh disuruh mengangkat sumpah. Seksyen ini memperuntukkan bahawa: Jika hal keadaan berkehendakkan sedemikian atau pemeriksaan saksi di bawah Bahagian ini tidak dapat dijalankan dan suatu pihak kepada prosiding itu membuat permohonan kepada hakim supaya saksi itu mengangkat sumpah sebagai saksi benar bagi menguatkan keterangannya, hakim hendaklah memerintahkan saksi itu mengangkat sumpah sedemikian dan hendaklah mengingatkan saksi itu bahawa jika dia tidak berbuat demikian keterangannya tidak boleh diterima.

Di Wilayah Persekutuan, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 mempunyai 132 seksyen termasuk Jadual yang dilampirkan dibelakangnya. Seksyen ini dibahagikan kepada beberapa Bahagian iaitu Bahagian 1 Kerelevanan, Bahagian 2 Pembuktian, Bahagian 3 Pengemukaan dan Kesan Keterangan dan Bahagian 4 Peruntukan Am. Enakmen ini juga dibahagikan kepada beberapa Bab iaitu di bawah Bahagian 1 terdapat Bab Qarinah. Di Bahagian 2 terdapat Bab Fakta yang Tidak Perlu Dibuktikan dan Bab Keterangan Lisan, Dokumentar dan dokumen awam. Di Bahagian 3 terdapat Bab Beban Membuktikan, Saksi, Pemeriksaan Saksi dan peruntukan Khas Berhubungan dengan Testimoni Saksi. Kesemua peruntukan Akta ini hampir sama dengan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Selangor 2003 termasuk susunan seksyennya. Cuma kelainannya ialah pada seksyen 131 di mana Akta ini menyebut bahawa Akta Keterangan 1950 yang digunakan di Mahkamah Sivil tidak terpakai di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Peruntukan *al-yamīn* diletakkan di bawah seksyen 87, 88 dan 129 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997. Seksyen 87 menyebut bahawa: (1) Dalam kes mal keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan jika defendan menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut hukum syarak. (2) (a) Jika defendan mengangkat sumpah dibawah

subseksyen (1) tuntutan yang dibuat oleh plaintif hendaklah ditolak. (b) Jika defendan enggan mengangkat sumpah maka Mahkamah bolehlah meminta plaintif mengangkat sumpah dan dengan sumpah itu tuntutannya hendaklah diterima. Sumpah tidak boleh dilaksanakan di dalam kes jenayah berdasarkan peruntukan seksyen 87 (3) yang menyatakan bahawa keterangan hendaklah diberikan bagi pendakwa dan bagi tertuduh melainkan jika tertuduh mengaku salah.

Seksyen 88 pula menyentuh pemakaian *al-yamīn* pada ketika keterangan oleh saksi tunggal dan sumpah plaintif. Seksyen 88 menyatakan bahawa: Jika kes mal, plaintif hanya mengemukakan seorang saksi, keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika keterangannya diberikan berserta dengan sumpah plaintif itu. Seksyen ini juga memberikan contoh yang sama dengan Enakmen Keterangan Selangor iaitu merujuk kepada tuntutan bagi pembayaran balik hutang oleh plaintif kepada defendan. Keterangan saksi yang dikemukakan oleh plaintif yang diberikan bersama sumpah plaintif hendaklah menjadi bukti yang cukup terhadapnya.

Seksyen 129 memperuntukkan bila masanya saksi boleh disuruh mengangkat sumpah. Seksyen ini memperuntukkan bahawa: Jika hal keadaan berkehendakkan sedemikian atau pemeriksaan saksi di bawah Bahagian ini tidak dapat dijalankan dan suatu pihak kepada prosiding itu membuat permohonan kepada hakim supaya saksi itu mengangkat sumpah sebagai saksi benar bagi menguatkan keterangannya, hakim hendaklah memerintahkan saksi itu mengangkat sumpah sedemikian dan hendaklah mengingatkan saksi itu bahawa jika dia tidak berbuat demikian keterangannya tidak boleh diterima.

Berdasarkan peruntukan di atas, dapat disimpulkan bahawa di Mahkamah Syariah, sumpah boleh dilakukan oleh tiga pihak iaitu saksi, saksi bersumpah sebelum diberi kesaksian bagi memastikan kebenaran keterangan saksi berkenaan. Sumpah saksi digunakan bagi menggantikan pemeriksaan keadilan saksi yang dilakukan pada masa ini manakala orang yang didakwa bersumpah apabila diarahkan oleh hakim atas permintaan orang yang mendakwa bagi meyakinkan jawapannya terhadap dakwaan berkenaan. Sumpah orang yang mendakwa pula ialah *al-yamīn* yang dibuat oleh orang

yang mendakwa untuk menolak tuduhan daripadanya atau untuk mensabitkan haknya atau untuk menolak sumpah dikenakan ke atasnya.

#### **vi. Kes Yang Diputuskan Di Mahkamah Syariah Malaysia**

Terdapat beberapa kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah dengan mengaplikasikan pemakaian *al-yamīn*. Penggunaan *al-yamīn* di dalam kes-kes ini merupakan keterangan yang menyokong bukti-bukti pihak bertikai dan pemakaiannya merujuk kepada kes-kes yang dibolehkan oleh hukum syarak.

##### **(a) Al-yamīn orang yang Menuntut**

*al-yamīn* yang dibuat oleh yang menuntut merujuk kepada Seksyen 87. Dalam kes mal keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan jika defendan menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut hukum syarak. Sekiranya defendan mengangkat sumpah tuntutan yang dibuat oleh plaintif hendaklah ditolak. Jika defendan enggan mengangkat sumpah maka barulah Mahkamah boleh meminta plaintif mengangkat sumpah dan dengan sumpah itu tuntutannya hendaklah diterima.

Peruntukan di atas adalah secara umum, namun demikian terdapat pengecualian di dalam prosedur *al-yamīn* yang di atas. Pertama, kes tuntutan hak terhadap seorang yang mati sebagai tambahan kepada harta peninggalannya dalam menghadapi salah seorang waris dan ia telah membuktikan tuntutannya. Dalam kes ini hakim boleh memerintah kepada plaintif tanpa permohonan wasi atau waris (Abdullah Abu Bakar: 2003).

Kedua, di dalam kes yang melibatkan tuntutan isteri atas harta suami yang ghaib dari rumah dan tidak diketahui di mana ianya berada. Hakim boleh memerintahkannya bersumpah bahawa suaminya semasa keluar daripada rumah tidak memberinya nafkah dan tidak pula meletak apa-apa sebagai nafkah dan tidak pula menceraikannya.

Ketiga, di dalam kes orang yang menuntut hutang ke atas simati. Sekiranya terdapat bukti yang diyakini bahawa si mati mempunyai hutang ke atas orang yang menuntut, tuntutan itu boleh dilayan dan hakim hendaklah memerintahkan orang yang menuntut supaya bersumpah.

Di dalam ketiga-tiga kes ini hakim tidak boleh membuat keputusan sebelum memerintahkan orang yang menuntut bersumpah. Keputusan dibuat berdasarkan keterangan dan juga sumpah yang dilafazkan oleh plaintif. Mahkamah juga hendaklah mengarahkan orang yang menuntut untuk bersumpah tanpa menunggu permintaan daripada mana-mana pihak sama ada defendan atau pihak lain.

Berikut adalah kes-kes yang diputuskan berdasarkan *al-yamīn al-mudda'a*:-

(i) *Wan Abdul Hamid lwn Maimunah* (1980) 1 JH 71.

Di dalam kes ini pihak yang menuntut (Maimunah) telah memohon nafkah untuk tiga orang anak sebanyak RM100 sebulan dengan mendakwa bahawa jumlah pendapatan bekas suaminya sebanyak RM300 sebulan. Pihak kena tuntutan menafikannya sebaliknya mendakwa bahawa pendapatannya sebanyak RM100 sebulan.

Beliau menerangkan bahawa pekerjaannya sebagai penoreh getah yang hanya dapat bekerja sebanyak 20 hari sahaja sebulan. Beliau sanggup memberi nafkah kepada tiga orang anaknya sebanyak RM30. Dalam perbicaraan ini kedua-dua pihak tidak ada saksi.

Mahkamah meminta pihak kena tuntutan bersumpah bahawa pendapatannya bukan RM300 sebulan tetapi pihak yang kena tuntutan enggan bersumpah maka pihak Mahkamah mengembalikan *al-yamīn* kepada yang menuntut. Yang menuntut bersumpah. Hukum dijatuhkan berdasarkan sumpah yang menuntut itu tuntutan dan diarahkan untuk membayar nafkah anaknya sebanyak RM90.

(ii) *Abdul Kadir lwn Hajah Fatimah* (1981) 2 JH 99.

Dalam kes ini tuntutan asalnya ialah tuntutan cerai secara taklik tetapi ditolak oleh Mahkamah. Kemudian pihak menuntut membuat tuntutan nafkah selama 15 bulan sebanyak RM450 termasuk maskahwin RM24.

Dalam pertikaian ini yang menuntut mendakwa bahawa dia telah dihantar oleh yang kena tuntutan ke rumah Datuknya. Yang kena tuntutan berkata bahawa isterinya balik sendiri ke rumah datuknya. Yang kena tuntutan mengaku bahawa dia tidak memberi nafkah.

Pihak menuntut ada satu saksi dan pihak kena tuntutan seorang saksi. Yang kena tuntutan bersetuju memberikan yang menuntut bersumpah bagi menguatkan keterangannya dengan lafaz “ Wallah al-Azim, sabillahi, watallahi, demi Allah aku bersumpah dengan nama Allah bahawasanya adalah suami aku hantar aku balik ke rumah tok wan aku di Cangkat Jering sudah 15 bulan dari tarikh itu sampai kehari ini, beliau tidak memberi nafkah, jika dusta aku pada sumpah aku nescaya dimurkai Allah dan laknatnya di atas aku dunia dan akhirat. Mahkamah kemudian memberi keputusan kepada yang menuntut.

(iii) *Abdul Aziz lwn Che Pah* (1981) 2 JH 113.

Dalam kes ini Che Pah menuntut fasakh daripada suaminya. Pihak menuntut membawa tiga orang saksi dan pihak kena tuntutan membawa dua orang saksi. Saksi pihak kena tuntutan tidak boleh meyakinkan mahkamah kerana fakta diberi tidak tepat. Maka mahkamah dengan persetujuan pihak kena tuntutan meminta pihak menuntut bersumpah dan setelah bersumpah mahkamah menjatuhkan hukum fasakh nikah isteri dari suaminya.

Pihak Mahkamah telah tidak yakin dan menolak saksi yang kena tuntutan, tetapi masih menggunakan *al-yamān al-mardudah* di samping tiga orang saksi dipihak yang mendakwa. Ini merupakan *al-yamān al-istizhar* iaitu untuk menyokong keterangan saksi-saksi itu.

(iv) *Mashitah lwn Hussain* (1981) 2 JH 153.

Dalam kes ini pihak isteri telah membuat tuntutan fasakh nikah. Dia telah berkahwin pada Januari 1974 hingga hari perbicaraan pada 11 Oktober 1978 dan tidak memberi sebarang nafkah. Yang kena tuntutan tidak hadir di hari perbicaraan walaupun telah diiklan dalam suratkhbar. Yang menuntut membawa dua saksi.

Pihak Mahkamah sebelum memutuskan kes meminta pihak yang menuntut supaya bersumpah atau *al-yamīn al-Istizhar* dan setelah bersumpah maka fasakh dibenarkan.

(v) *Fathilah lwn Mohamed Ghafar* (1982) 2 JH 286.

Di dalam kes ini pihak menuntut membuat tuntutan cerai taklik. Saman telah disampaikan kepada pihak kena tuntutan akan tetapi dia tidak hadir. Yang menuntut membawa dua saksi.

Pihak mahkamah mengarahkan yang menuntut bersumpah *al-yamīn al-istizhar*. Mahkamah memutuskan perkahwinan itu tertalaq dengan satu talaq mengikut lafaz taklik.

(vi) *Siti Zainab lwn Mohamad Ishak* (1982) 2 JH 323.

Dalam kes ini pihak menuntut membuat tuntutan cerai taklik. Pihak kena tuntutan tidak hadir dan pihak menuntut membawa dua orang saksi serta membuat *al-yamīn al-Istizhar*. Mahkamah membenarkan tuntutannya.

(vii) *Hj Abdullah Hj Hamzah lwn Cik Don Bt Yaakob* (1983) 3 JH.

Dalam kes ini yang kena tuntutan telah menceraikan isterinya dengan satu talak tanpa alasan yang munasabah. Yang menuntut membuat tuntutan nafkah idah, nafkah isteri, harta sepencarian dan mut'ah.

Dalam perbicaraan yang kena tuntutan tidak hadir dan tidak ada wakil. Yang menuntut membawa dua orang saksi dan mahkamah meminta yang menuntut untuk bersumpah. Keputusan diberikan kepada yang menuntut.

(viii) *Khamsiah Bt Hashim lwn Abdul Fikri* (1983) 4 JH 71.

Dalam kes ini yang menuntut memohon cerai taklik. Pihak kena tuntutan tidak hadir dan pihak menuntut ada dua orang saksi. Yang menuntut diminta untuk membuat sumpah atai *al-yamīn al-Istizhar*. Mahkamah memutuskan gugur talaq ke atas kena tuntutan.

(ix) *Tuminah lwn Arifin* (1983) 4 JH 84.

Dalam kes ini isteri menuntut cerai taklik oleh kerana dia telah ditinggalkan oleh suaminya. Suami tidak hadir selepas mendengar dua orang saksi yang menuntut mahkamah meminta yang menuntut mengangkat sumpah. Mahkamah memutuskan isteri tertalaq satu mengikut lafaz taklik.

(x) *Rukiah lwn Abu Bakar* (1983) JH 90.

Di dalam kes ini pihak menuntut membuat tuntutan talak takliq. Pihak kena tuntutan tidak hadir dan yang menuntut membawa dua saksi. *al-yamīn al-Istizhar* dibuat dan tuntutan dibenarkan.

(xi) *Piah lwn Mohammad Zainal* (1984) 4 JH 222.

Dalam kes ini yang menuntut membuat tuntutan talaq takliq tetapi yang kena tuntutan tidak hadir. Yang menuntut membawa seorang saksi dan sumpah oleh yang menuntut. Mahkamah membenarkan tuntutan plaintif.

(xii) *Salemawegam lwn Mohamed Anuar* (1984) 5 JH 109.

Dalam kes ini yang menuntut telah menuntut cerai takliq kerana suaminya telah meninggalkannya dan tidak membayar nafkah. Suami mendakwa bahawa sebab dia tidak membayar nafkah kerana isterinya telah nusyuz.

Pihak yang menuntut membawa dua orang saksi dan tidak ada saksi dari yang kena tuntutan. Mahkamah meminta yang kena tuntutan bersumpah sebanyak tiga kali tetapi enggan. *al-yamīn* itu kemudian dikembalikan kepada yang menuntut dan beliau bersumpah. Diputuskan jatuh satu talak sepertimana lafaz taklik.

Dalam kes ini juga terdapat perbicaraan dalam perbicaraan dalam kes penafian bersetubuh. Plaintiff bersumpah telah bersetubuh manakala defendan menafikannya tetapi enggan bersumpah. *al-yamīn* ini dikategorikan sebagai *al-yamīn al-tohmah* dan juga *nukul an-al-yamin* bagi defendan.

(xiii) *Wan Azizah lwn Kasim* (1984) 5 JH 123.

Dalam kes ini yang menuntut membuat tuntutan cerai taklik. Defendan tidak hadir dan plaintiff membawa dua saksi. Mahkamah meminta plaintiff untuk bersumpah. Keputusan memihak kepada plaintiff dan jatuh lafaz takliq dengan satu talak.

(xiv) *Norsiah lwn Hashim* (1984) 5 JH 126.

Dalam kes ini pihak menuntut membuat tuntutan cerai takliq. Suaminya tidak hadir dan plaintiff membawa dua saksi serta mengangkat *al-yamīn al-istizhar*. Mahkamah memutuskan jatuh lafaz takliq ke atas isteri.

(xv) *Zawiah bt Talib lwn Mohd Noor* (1987) 5 JH 366.

Dalam kes ini plaintiff membuat tuntutan cerai takliq dan defendan didapati tidak hadir. Plaintiff membawa dua saksi dan bersumpah. Diputuskan gugur satu talak iaitu talak khulu'.

(xvi) *Zainab Bt Hamid lwn Mat Isa* (1987) 5 JH 391.

Dalam kes ini plaintif membuat tuntutan cerai takliq tetapi defendan tidak hadir perbicaraan. Plaintif membawa dua saksi dan bersumpah. Disabitkan pengaduan dan jatuh satu talak.

(xvii) *Siteh bt Lop Ahmad lwn Mat Desa* (1987) 5 JH 408.

Dalam kes ini plaintif membuat tuntutan cerai takliq. Defendan tidak hadir walaupun telah diiklankan di dalam akhbar. Plaintif mengemukakan dua saksi dan bersumpah. Mahkamah memutuskan gugur satu talak ke atas isteri.

(xix) *Fatimah Binti Hashim wn Mansor Bin Siran* (1987) 5 JH 440.

Dalam kes ini plaintif membuat tuntutan nafkah isteri. Plaintif membawa seorang saksi. Defendan merupakan pekerja di Rumah Bahagia Tg Rambutan dan telah menghantar surat yang mengatakan dia tidak dapat hadir tanpa ada surat doktor. Plaintif mengangkat sumpah dan Mahkamah memutuskan tuntutannya diterima.

(xx) *Pendakwa Syarie Pahang lwn Mohamed Abd Rahman dan Seorang lagi* (1988) 1 JH 71.

Di dalam kes ini yang dituduh telah didakwa di bawah seksyen 154 Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Pahang 1965 atas kesalahan khalwat. Pendakwa Syarie membawa 3 orang saksi. Yang Dituduh ke dua telah bersumpah bahawa beliau tidak melakukan dibawah pengaruh sakit jiwa. Sumpah ditolak kerana tidak relevan dan didenda dengan RM2000.

(xxi) *Siti Zamrah lwn Maliki* (1988) 1 JH 130.

Di dalam kes ini plaintif telah membuat tuntutan maskahwin dan pemberian. Yang kena dakwa telah menyatakan bahawa dia telah memberikan semua maskahwin dan pemberian itu dan membawa seorang saksi. Mahkamah mendapati saksi Defendan didapati lemah. Plaintif telah membawa seorang saksi dan disokong oleh sumpah beliau. Mahkamah memutuskan defendan agar membayar sejumlah RM770 merangkumi subang emas, rantai emas, kasut dan kain sepasang.

(xxii) *Kelthom lwn Ismail* (1996) 1 JH 79.

Di dalam kes ini plaintif telah menuntut fasakh berdasarkan setahun defendan tidak menunaikan nafkah zahir dan batin dan juga tidak tinggal sebumbung. Plaintif telah membawa dua orang saksi dan disokong lagi dengan sumpah istizhar. Yang kena dakwa tidak hadir dan mahkamah memberikan tuntutan fasakh.

(b) **Al-yamīn Orang Yang Kena Tuntut.**

Seksyen 87 menyebut bahawa dalam keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan jika defendan menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut hukum syarak. Jika defendan mengangkat sumpah dibawah tuntutan yang dibuat oleh plaintif hendaklah ditolak dan sekiranya defendan enggan mengangkat sumpah maka Mahkamah boleh meminta plaintif mengangkat sumpah dan dengan sumpah itu tuntutannya hendaklah diterima.

Apabila tuntutan dibuat dengan keterangan, ianya memerlukan jawapan dan maklumbalas daripada defendan sama ada dia ingin membuat pengakuan atau menafikan tuntutan atau berdiam diri. Sekiranya dia membuat penafian dan ada bukti bahawa penafian itu tidak kukuh, hakim boleh memerintahkan defendan untuk bersumpah.

Di dalam keadaan ini defendan akan dimaklumkan bahawa kesan sumpah sungguh mendalam ke atas dirinya dan sumpah yang dibuat akan mengikat Mahkamah dalam membuat keputusan. Hakim akan mengingatkan defendan tentang perasaan takut kepada Allah dan keseksaan yang akan dirasai sekiranya membuat sumpah palsu. Malahan dia boleh dihukum di bawah Enakmen Pentadbiran Islam dengan memberikan keterangan palsu di Mahkamah.

Apabila orang kena tuntutan bersumpah menafikan tuntutan itu sumpah akan mengikat Mahkamah untuk membuat keputusan bahawa tuntutannya tidak sabit. Orang kena tuntutan boleh memohon Mahkamah untuk mempersaksikan sumpah dan

direkod. Sekiranya orang kena tuntutan menolak untuk melaksanakan *al-yamīn*, maka Mahkamah hendaklah memulangkan balik *al-yamīn* kepada orang yang menuntut dan membuat keputusan dan jika orang yang menuntut enggan mengangkat sumpah maka tuntutannya boleh ditolak.

Berikut adalah kes-kes yang melibatkan *al-yamīn al-muddaa alaih*:-

(i) *Ahmad lwn Mahabat Khad dan Seorang Lagi* (1980) 1 JH 82.

Dalam kes ini pihak menuntut telah membuat tuntutan harta peninggalan hidup yang dikatakan diberi oleh Maimunah binti Salim yang telah meninggal dunia. Pihak kena tuntutan ialah suami dan anak perempuan kepada suami dan anak perempuan kepada simati dan mereka menafikan pemberian itu.

Pihak yang menuntut telah membawa dua orang saksi tetapi Mahkamah berpendapat bahawa saksi yang menuntut tidak menurut hukum syarak dan tidak dapat menerangkan dengan jelas. Mahkamah memutuskan supaya yang kena tuntutan bersumpah dan pihak yang kena tuntutan sanggup bersumpah mengikut sumpah Islam di Masjid Besar Kota Bharu dengan menjunjung al-Quran. Hukum dipihak yang kena tuntutan berdasarkan sumpahnya.

(ii) *Pendakwa Jenayah Kelantan lwn Omar dan Seorang lagi* (1981) 2 JH 131.

Dalam kes ini dua orang yang telah didakwa melakukan khalwat. Pihak pendakwa telah membawa dua orang saksi tetapi meragukan mahkamah. Kedua-dua yang dituduh telah menafikan dan sanggup bersumpah. Mahkamah meluluskan sumpah dan membuat keputusan kes ini dibuang.

*Al-yamīn* di dalam kes ini adalah tidak perlu kerana ianya adalah kes jenayah. Di dalam kes jenayah sekiranya ada keraguan ianya memadai untuk tidak meneruskan kes kerana beban pembuktiannya adalah melampaui keraguan yang munasabah. Saksi yang meragukan adalah asas untuk membuang kes.

(iii) *Zabidah lwn Abdul Rahim* (1984) 4 JH 235.

Dalam kes ini pihak menuntut memohon mengesahkan takliq . Dia mendakwa bahawa suaminya telah meninggalkannya selama lima bulan. Yang menuntut membawa dua saksi manakala yang kena tuntutan membawa tiga orang saksi. Fakta dua saksi yang menuntut tidak tepat dan bercanggah dengan dakwaan plaintiff pihak mahkamah meminta sumpah orang yang kena tuntutan iaitu *al-yamīn al-Asliah*. Setelah bersumpah kes ini dibuang.

(ix) *Adiba Yasmin lwn Abd Rani* (1996) 1 JH 44.

Plaintif telah membuat tuntutan taklik kerana dipukul oleh suaminya. Plaintif telah membawa surat doktor dan dua saksi. Kedua-dua saksi ini bercanggah di antara satu sama lain dan keterangan tidak kukuh. Mahkamah meminta defendan bersumpah untuk menafikan tuntutan. Defendan telah bersumpah dan mahkamah menolak tuntutan plaintiff.

(c) **Al-yamīn Di buat oleh Saksi**

Seksyen 129 memperuntukkan sumpah yang perlu dilakukan oleh seseorang saksi. Seksyen ini menyentuh mengenai sumpah saksi iaitu untuk menguatkan pandangan bahawa kesaksiannya boleh diterima sebagai bukti di dalam sesuatu kes. Ini bagi menggantikan proses pemeriksaan saksi yang biasanya melibatkan masa dan kos di Mahkamah.

Jadi sebagai alternatif pemeriksaan saksi, kaedah sumpah boleh dijalankan. Dalam keadaan di mana saksi difikirkan perlu untuk mengangkat sumpah suatu pihak kepada prosiding boleh membuat permohonan kepada hakim supaya saksi itu mengangkat sumpah sebagai saksi benar bagi menguatkan keterangannya. Setelah mendengar permohonan itu hakim boleh memerintahkan saksi itu mengangkat sumpah dan dalam masa yang sama mengingatkan saksi itu bahawa jika dia tidak berbuat demikian keterangannya tidak boleh diterima.

*Al-yamīn* yang dibuat oleh saksi ini bukan menjadi satu-satunya keterangan yang menjadi asas kepada sesuatu keputusan di Mahkamah. Sumpah ini dilaksanakan bagi menguatkan lagi keterangan yang dibuat oleh seseorang saksi. Saksi yang memberi keterangan dan bersumpah di Mahkamah akan meningkatkan lagi keyakinan hakim untuk menentukan sesuatu keputusan.

Berikut adalah kes yang melibatkan penggunaan sumpah saksi:-

(i) *Norman Bin Harun lwn Abd Razak bin Razali* (1988) 1 JH 86.

Di dalam kes ini plaintif telah menuntut cerai taklik. Plaintif membawa dua orang saksi. Saksi telah diminta bersumpah untuk memastikan keterangan diberikan adalah benar. Mahkamah juga telah meminta plaintif untuk mengangkat sumpah bagi menguatkan lagi hujah dan tuntutan. Hakim memberi keputusan jatuh talak satu.

(ii) *Hasmah lwn Borhan al-Din* (1988) 1 JH 118.

Di dalam kes ini plaintif telah menuntut cerai taklik. Yang kena dakwa tidak hadir perbicaraan. Plaintif telah membawa dua saksi. Mahkamah meminta kedua-dua saksi untuk bersumpah dan ditambah lagi dengan sumpah istizhar plaintif. Mahkamah menjatuhkan telah jatuh talak khuluk.

#### **- ANALISA KES**

Melalui peruntukan di atas dapat disimpulkan bahawa di Mahkamah Syariah, *al-yamīn* boleh dilakukan oleh tiga pihak iaitu orang yang menuntut atau plaintif, orang yang kena tuntutan atau defendan dan saksi. Saksi bersumpah bagi memastikan kebenaran keterangannya. Sumpah orang yang mendakwa pula dibuat untuk menolak tuduhan daripadanya atau untuk mensabitkan haknya atau untuk menolak sumpah dikenakan ke atasnya. Orang yang didakwa juga dihendaki bersumpah apabila diarahkan oleh hakim atas permintaan orang yang mendakwa bagi meyakinkan jawapannya terhadap dakwaan berkenaan. Sumpah saksi digunakan bagi menggantikan pemeriksaan keadilan saksi yang dilakukan pada masa ini.

Apabila *al-yamīn* telah dilaksanakan oleh orang yang menuntut dan orang yang kena tuntutan, Mahkamah setelah membuat keputusan mendapati ada pihak yang ingin mengubah keterangannya termasuk menarik balik *al-yamīn* tidak perlu melayani permintaannya. Walaubagaimanapun dalam keadaan tertentu Mahkamah mempunyai kuasa untuk membicarakan kes itu semula dan membuat keputusan baru seperti penemuan keterangan yang sangat penting yang dapat membantu memberikan keputusan yang lebih baik.

Perlu diingat amalannya di Mahkamah bahawa *al-yamīn* yang dibuat oleh pihak penuntut boleh diterima di Mahkamah selepas pihak yang menuntut telah mengemukakan keterangan kepada Mahkamah dan keterangan itu meyakinkan. Jika tuntutan belum lagi berjaya dibuktikan tetapi keterangan itu tidak jelas maka Mahkamah boleh memerintahkan pihak kena tuntutan supaya membuat sumpah untuk menafikan tuntutan. Ini adalah kerana *al-yamīn* bukanlah satu keterangan yang mensabitkan hak yang menuntut atau menafikan hak yang kena tuntutan tetapi ianya menguatkan hujah dan keterangan bagi memastikan sesuatu tuntutan itu benar-benar wujud.

Berdasarkan kes-kes di atas didapati ada *al-yamīn* digunakan untuk memutuskan atau mensabitkan (menjatuhkan hukuman) kes dan ada juga *al-yamīn* diaplikasikan untuk meyakinkan dan melapangkan kepada pihak yang berkeenaan. Secara umumnya di Mahkamah Syariah pelbagai kategori *al-yamīn* digunapakai dan diaplikasikan seperti *al-yamin al-mardudah*, *al-yamin al-wajibah* atau *al-asliyah*, *al-yamin al-tohmah*, *al-yamin* dan seorang saksi serta *al-yamin al-istizhar*.

Penggunaan *al-yamīn al-istizhar* amat sesuai dilaksanakan kerana ianya bukanlah untuk memutuskan kes tetapi untuk meyakinkan hakim dan mahkamah supaya lebih tenang membuat keputusan. Lebih-lebih lagi kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah hanya berbentuk nikah, cerai dan rujuk dan amat sedikit kes yang lain. Ini merujuk juga kepada bidang kuasa mahkamah syariah yang sedikit dan terhad.

Pemakaian *al-yamīn al-mardudah*, *nukul anal-yamin* atau *al-yamin al-jaliba* atau *al-tohmah* amat sedikit. Ini mungkin kerana penggunaan *al-yamīn al-istizhar* adalah lebih sesuai digunakan di dalam kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah.

*al-yamīn al-shahid* atau sumpah saksi yang diamalkan di Mahkamah Syariah ialah sumpah yang dibuat sebelum diberi kesaksian bagi memastikan kebenaran keterangan saksi berkenaan. Namun demikian sumpah saksi yang dibuat di Mahkamah Syariah hari ini tidak benar-benar menepati *al-yamin al-syari'yah*. Ianya bukanlah sumpah yang menepati hukum *al-yamin* kerana ianya hanyalah boleh dianggap sebagai janji untuk tidak berbohong kerana sumpah yang tidak menepati syarat-syarat *al-yamin*. Walaupun demikian terdapat peruntukan untuk menghukum sesiapa yang menjadi saksi bohong atau dusta bagi memastikan seseorang saksi tidak sewenang-wenangnya memberikan kesaksian palsu.

*Al-yamīn* sebagai unsur pembuktian hanya dijalankan di dalam kes-kes tertentu sahaja iaitu kes mal yang melibatkan hak manusia. Hal ini tidak menjadi permasalahan kerana di Malaysia *hudud* dan *qisas* belum lagi dapat dilaksanakan dan bidang kuasa mahkamah syariah juga hanya amat terhad kepada hal ehwal keluarga dan pewarisan sahaja.

*Al-yamīn* merupakan satu mekanisma yang berkesan untuk mahkamah membuat sesuatu keputusan. Namun begitu, keperluan kepada prosedur *al-yamīn* yang jelas dan tepat mestilah dilaksanakan. *Al-yamīn* sebagai satu bentuk pembuktian mesti ditadbir dan diuruskan dengan berkesan. Usaha-usaha untuk mengemaskinikan prosedur *al-yamīn* di Mahkamah Syariah amatlah dialu-alukan dan tepat pada masanya.

Secara umumnya penggunaan *al-yamīn* di Mahkamah Syariah Malaysia amat terhad. Terdapat usaha-usaha untuk mengemaskinikan dan memperbaharui tatacara dan manual *al-yamīn* yang dilakukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Hingga kini peruntukan *al-yamīn* terkandung di dalam Enakmen Keterangan Syariah Selangor dan juga negeri-negeri lain di Malaysia.

### **BAB III**

#### **CADANGAN “PERATURAN SUMPAAH SYARIE MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)”.**

Untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan ketika melaksanakan *al-yamīn*, maka Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menggubal satu peraturan khas bagi pelaksanaan *al-yamīn* (Sumpah Syarie) iaitu Peraturan Sumpah Syarie

Mahkamah Syariah. Dato' Mohammad Asri Hakim, Rayuan Mahkamah Syariah Malaysia telah dipertanggung jawab untuk menyusun peraturan khas pelaksanaan *al-yamīn*. Usaha mewujudkan peraturan khas bagi pelaksanaan *al-yamīn* telah bermula semenjak tahun 2004 lagi.

Hasil dari perbincangan yang berterusan, dengan mengambil kira pandangan dari pakar undang-undang Syarie di seluruh Malaysia yang terdiri dari hakim-hakim di setiap negeri, akhirnya peraturan khusus bagi pelaksanaan *al-yamīn* hampir menjadi suatu kenyataan. Menurut Dato' Muhammad Asri, Peraturan *al-yamīn* atau dinamakan sebagai “Peraturan Sumpah Syarie Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004” sedang berada di peringkat akhir Jawatan Kuasa Penggubalan. Penyemakan telah dibuat beberapa kali, cuma menunggu waktu untuk diendos kepada mesyuarat Jawatan kuasa Penggubalan buat kali terakhir.

Di samping Peraturan Sumpah Syarie, terdapat empat kaedah lain sedang diperbincangkan iaitu kaedah *taqliq*, nikah luar Negara dan hakam. Namun kaedah Hakam telahpun diluluskan dan sedia untuk dilaksanakan. Cadangan “Peraturan Sumpah Syarie Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004”, telahpun dibawa ke dalam mesyuarat ketua-ketua hakim negeri dan secara umumnya mereka telahpun bersetuju dengan cadangan tersebut.

#### **- TATACARA PERLAKSANAAN SUMPAAH SYARIE DI DALAM “PERATURAN SUMPAAH SYARIE MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2004”**

Peraturan Sumpah ini merupakan satu peraturan yang belum diluluskan sepenuhnya untuk dilaksanakan. Namun seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, menurut Dato' Muhammad Asri peraturan sumpah ini telah dibincangkan beberap kali sebelum ini dan beberapa pembetulan telah dibuat dan akan bincangkan serta akan diluluskan dalam mesyuarat Jawatan kuasa Penggubalan akan datang. Antara peruntukan yang

telah dimasukkan dalam peraturan Sumpah Syarie adalah berkaitan dengan pengenalan tentang Sumpah Syarie, syarat-syarat pelaksanaan, jenis-jenis hak yang boleh dilaksanakan *al-yamīn* dan lain-lain lagi .

### **i. Ta'arif Sumpah Syarie**

Maksud *al-yamīn* sebenarnya tidak disebut secara khusus sebelum ini sama ada dalam Undang-Undang Keterangan atau Undang-Undang Keluarga. Tetapi di dalam peraturan sumpah ada menyatakan tentang definisi *al-yamīn*. *al-Yamīn* memberi maksud:

“Suatu perkataan yang disertakan dengannya nama Allah S.W.T atau sifat-sifatNya, ia digunakan untuk menyatakan ada haknya (Isbat) terhadap sesuatu perkara atau menafikan sesuatu perkara di hadapan Hakim”.

### **ii. Pembahagian Sumpah Syarie**

Menurut pendapat ulamak, *al-yamīn* terbahagi kepada beberapa bahagian seperti yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini. Namun menurut Dato' Muhammad Asri, pembahagian *al-yamīn* di mahkamah agak berbeza berbanding apa yang terkandung dalam kitab-kitab fiqh. Dalam Peraturan sumpah Syarie, *al-yamīn* dibahagikan kepada dua iaitu *Yamīn al-Hasimah* dan *Yamīn al-Mutammimah*.

Di negeri-negeri kadangkala para hakim menggunakan istilah yang berbeza-beza kerana mereka tidak ada peraturan khusus mengenai nama, pelaksanaan dan seumpamanya. Sekalipun para hakim di negeri-negeri menggunakan nama yang berbeza, namun dari segi makna dan konsepnya adalah sama. Untuk memudahkan rujukan para hakim dan tidak timbul kekeliruan peraturan Sumpah ini membahagikan *al-yamīn* secara umumnya kepada dua bahagian iaitu *Yamīn al-Mutammimah* dan *Yamīn al-Hasimah*.

#### **a. Yamīn al-Hasimah**

Iaitu sumpah yang dilaksanakan oleh salah satu pihak atas permohonan pihak lain. Dalam kitab '*Bughyah al-Mustarsyidin*' karangan Abd Rahman Ibn Muhammad telah mengupas mengenai *yamīn al-Hasimah* dalam kes harta sepencarian antara suami isteri atau ahli waris yang mana pihak menuntut tidak mempunyai bukti terhadap tuntutan mereka. Dalam kes ini hakim boleh memerintah *Yamīn al-Hasimah* atas permohonan kedua-dua belah pihak dan tuntutan akan dibahagikan samarata.

Menurut Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004, *Yamīn al-Hasimah* ialah sumpah yang dilaksanakan oleh salah satu pihak atas permohonan pihak lain.

#### **b. *Yamīn al-Mutammimah***

*Al-yamīn* dilaksanakan oleh pihak-pihak yang tertentu setelah diarahkan oleh hakim bagi menguatkan perintahnya. Ini kerana sebagaimana yang kita ketahui pelaksanaan *al-yamīn* hanya akan terlaksana atas arahan hakim ataupun kadhi sama ada *al-yamīn* tersebut terletak ke atas pihak yang didakwa mahupun yang mendakwa. Menurut Peraturan Sumpah Syarie Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004 *Yamīn al-Mutammimah* ialah "Sumpah yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak setelah diarahkan oleh hakim untuk menguatkan perintahnya".

Di dalam bahagian *Yamīn al-Mutammimah*, sumpah yang paling kerap diguna semasa perbicaraan ialah *Yamīn al-istizhar*. *Yamīn al-Istizhar* dilaksanakan dalam kes-kes yang berkaitan dengan mal seperti kes-kes perceraian. Sebagai contoh sekiranya kes *takliq* iaitu isteri ditinggal dengan suami menghilangkan diri, maka isteri boleh membuat tuntutan di mahkamah dengan dua saksi dalam pembicaraan tanpa kehadiran suami. Maka untuk menguatkan hujah, maka hakim boleh meminta *Yamīn al-Istizhar* untuk meyakinkan hakim.

Pada lazimnya *yamīn al-Istizhar* ini dilaksanakan dalam tuntutan yang berhubung dengan hak ke atas orang yang ghaib atau mati (Mahmud Saedon 1990: 124) *yamīn al-Istizhar* di laksanakan untuk mengelakkan tohmahan sekalipun setelah

hakim berpuashati dengan keterangan plaintif dan terdapat dua saksi. Menurut Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004 *Yamīn al-Istizhar* ialah:

“Sumpah yang dibuat oleh *mudda’i* atas perintah hakim setelah memberi keterangan yang mencukupi dalam kes ghaib atau mati”.

Seksyen 10 (4) Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004 :

“Apabila hakim setelah mendengar semua keterangan dan hujah plaintif dan berpuashati keterangannya di samping keterangan dua saksi bagi mengelakkan tohmahan maka hakim hendaklah memerintah plaintif mengangkat sumpah *Yamīn al-Istizhar*”.

### **SYARAT-SYARAT SUMPAH SYARIE**

*Al-Yamīn* yang dilaksanakan tidak akan diambil kira sekiranya tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Menurut Peraturan 7 Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004, syarat-syarat Sumpah Syarie ialah:

- i. Orang yang bersumpah hendaklah akil baligh dan sukarela;
- ii. Defendan tidak mengakui hak plaintif;
- iii. Pihak yang bertikai meminta Hakim arahkan pihak satu lagi bersumpah;
- iv. Orang yang bersumpah hendaklah bersumpah bagi dirinya sendiri;
- v. Perkara yang disumpah itu bukanlah hak Allah semata-mata;
- vi. Dalam perkara-perkara yang berhubung dengan hak yang boleh diterima ikrarnya.

## **JENIS-JENIS HAK YANG BOLEH DILAKSANAKAN SUMPAH SYARIE**

Dalam kes-kes mengenai hak Allah S.W.T semata-mata iaitu dalam kes-kes hudud seperti zina, curi dan minum arak serta kes-kes ibadat seperti solat, puasa, haji dan sedekah para fuqaha' telah bese pendapat tidak harus bersumpah dalam kes-kes tersebut. Ini adalah kerana kes hudud menjadi gugur atau ditolak dengan sebab ada kesamaran (*syubhah*). Manakala dalam kes ibadat pula ia merupakan hubungan hamba dengan tuhan. Akan tetapi dalam kes hudud dan kes-kes lain yang bersangkutan dengan hak harta manusia seperti mencuri maka diharuskan bersumpah ( Wahbah Zuhaili 1997: 6096).

Manakala dalam kes-kes yang berkaitan dengan *mal*, para fuqaha' juga telah bersepakat mengatakan bahawa harus bersumpah dalam kes-kes tersebut. Dalam kes ini *mudda'a alaih* dikehendaki bersumpah samada untuk mensabitkan atau menafikan. Menurut Sekyen 3, Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004, jenis-jenis permohonan atau tuntutan yang boleh dilaksanakan sumpah diantaranya:

- (a) Pertunangan, perkahwinan, rujuk, perceraian, *nusyuz* atau apa-apa yang berkaitan dengan hubungan suami isteri;
- (b) Apa-apa perlupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam sub-perenggan (a).
- (c) Nafkah orang-orang tanggungan;
- (d) Kesahatarafan;
- (e) Penjagaan atau jagaan (*hadhanah*) budak-budak;
- (f) Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
- (g) Perkara-perkara lain yang di bawah bidang kuasa mahkamah yang dinyatakan oleh mana-mana undang-undang bertulis;

## **KEHADIRAN PIHAK-PIHAK KETIKA BERSUMPAH**

Seperti yang telah dinyatakan oleh hukum syarak, *al-yamīn* hanya dapat dilaksanakan dengan kehadiran dari kedua-dua belah pihak. Kenyataan ini terdapat dalam Peraturan 4(1):

“Sumpah hendaklah dilaksanakan dalam mana-mana prosiding yang dijalankan dengan kehadiran kedua-dua belah pihak;”

Namun dalam keadaan-keadaan tertentu mahkamah boleh melaksanakan *al-yamīn* sekalipun tanpa kehadiran *mudda’ a alaih*. Dalam Peraturan 4(2):

“Tanpa menyetuh Peraturan 4 (1) di atas, sumpah boleh dilaksanakan tanpa kehadiran defendan setelah mahkamah berpuashati bahawa saman telah disempurnakan mengikut undang-undang”

## **TATACARA SUMPAH SYARIE**

### **i. Susunan Lafaz *al-Yamīn***

Bagi memastikan matlamat perlaksanaan *al-yamīn* tercapai, maka perlaksanaannya dari segi lafaz terutamanya perlu menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Syarat-syarat yang dimaksudkan di sini ialah dengan menyebut nama Allah S.W.T ataupun sifat-sifatNya. Bagi memastikan perlaksanaannya adalah betul, hakim hendaklah memainkan peranannya bagi menyusun lafaz *al-yamīn* yang perlu diucapkan. Contoh lafaz sumpah ialah:

“Dengan Nama Allah, sesungguhnya aku tidak pernah berhutang dengan si pulan”.

Dalam peraturan 9(1)(e) dan 9(1)(f):

“Lafaz sumpah hendaklah dimulakan dengan huruf sumpah dan nama Allah atau sifat-Nya dan dibuat dalam bentuk yang tegas dan jelas berhubung dengan tuntutan atau penafian;” dan

“Deraf sumpah bolehlah disediakan oleh hakim sebelum sumpah dilafazkan”

Adalah lebih baik bagi hakim menjelaskan terlebih dahulu kepada mereka yang ingin melafaz sumpah mengenai kesan sumpah yang telah dilaksanakan mengikut Hukum Syarak. Peraturan 9(1)(d) ada menyatakan:

“Hakim bolehlah memberi penegasan berhubung dengan implikasi sumpah yang dilaksanakan mengikut Hukum Syarak;”

## **ii. Niat Ketika Melaksanakan Sumpah Syarie**

Sekiranya sumpah di luar mahkamah tertakluk kepada niat orang yang melafazkan sumpah, namun sumpah di dalam mahkamah berdasarkan kepada niat orang yang memintanya bersumpah iaitu hakim atau naibnya serta tidak sah sumpah *tauriah* di sini. Hal ini telah dinyatakan dalam Peraturan 9(1)(a):

“Niat sumpah adalah berdasarkan kehendak dan niat yang menuntut sumpah atau hakim yang mengarahkan sumpah berdasarkan zahir lafaz sumpah itu;”

## **- Ketika Mana Sumpah Syarie Perlu Dilaksanakan**

Menurut Dato’ Muhammad Asri, dalam keadaan-keadaan tertentu pihak *mudda’alaih* atau *mudda’I* perlu melaksanakan *al-yamīn* bagi menamat sesuatu kes sama ada untuk menafikan atau mensabit sesuatu dakwaan. Dalam Peraturan 11 (1) (a,b,c dan d) dan Peraturan 11 (2) (a,b dan c) ada menyatakan perkara tersebut dengan terperinci.

- (1) dalam mana-mana peringkat prosiding kes *mal*, defendan perlu bersumpah dengan kebenaran Hakim apabila –
  - (a) Palintif gagal mengemukakan keterangan yang mencukupi; dan
  - (b) Defendan menafikan tuntutan Plaintiff; dan

- (c) Plaintiff menuntut defendan bersumpah *Yamīn al-Hasimah* atas penafian defendan; atau
  - (d) Hakim mengarah defendan bersumpah (*Yamīn al- Mutammimah*)
- (2) Dalam mana-mana prosiding sedang berjalan, Plaintiff perlu bersumpah apabila-
- (a) Defendan enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim (*Yamīn al-Mardudah*).
  - (b) Plaintiff mengemukakan seorang saksi dan hakim memerintahkannya bersumpah *Yamīn al-Takmilah*
  - (c) Hakim mengarahkan Plaintiff bersumpah (*Yamīn al- Mutammimah*)

#### **- Hakim boleh memerintah kedua-dua belah pihak bersumpah**

Dalam kes-kes pertikaian yang melibatkan harta yang bercampur gaul seperti harta sepencarian yang tidak diketahui dengan jelas siapakah yang berhak misalnya rumah, tanah dan lain-lain, maka mahkamah akan minta kedua-dua bersumpah (*Yamīn al-Hasimah*). Sekiranya kedua telah bersumpah maka mahkamah akan mengeluarkan perintah dengan harta tersebut akan dibahagikan sama banyak. Dalam Perintah 12 telah menyatakan:

“Dalam kes pertelingkahan harta yang bercampur di antara suami dan isteri atau waris yang mana kedua-dua pihak tidak ada *bayyinah* atau *qarinah* di atas tuntutan, hakim boleh memrintahkan atas permohonan kedua-dua pihak bersumpah *Yamīn al-Hasimah* dan tuntutan dibahagi sama rata”.

#### **TAGHLIZ SUMPAH SYARIE.**

Menurut Shafie tidak semua *yamīn* sunat *taghliz* bahkan dalam bab-bab tertentu sahaja. Mahkamah melaksanakan *taghliz* berdasarkan mazhab Shafie terutama

ketika *Yamīn al-Mardudah* dan *Yamīn Ma' Syahid* sekalipun satu pihak lagi tidak meminta supaya ditaghlikan maka hakim berkewajipan untuk mentaghlikannya. *Taghlik* berlaku pada tiga keadaan iaitu dari segi lafaz masa dan tempat.

**a. Taghlik Dengan Lafaz**

Sumpah tidak dibenarkan sama sekali, melainkan dengan menyebut nama-nama atau sifat-sifat Allah S.W.T sahaja. Besumpah dengan selain dari nama dan sifat Allah S.W.T seperti nama malaikat atau rasul adalah ditegah. *Taghlik* dilakukan samada dengan mengulang-ngulang lafaz atau memperbanyakkan menyebut nama Allah S.W.T atau sifat-sifat-Nya. Di dalam Peraturan 13 (1)(a):

“(Taghlik) dari sudut lafaz dengan menambah mana-mana nama Allah (*Wallahi, Wabillahi, Watallahi*) atau sifat-sifat-Nya).

**b. Taghlik Pada Tempat dan masa**

*Taghlik* dari segi tempat pula dilakukan di antara *Maqam Ibrahim* dan *Rukn al-Yamani* di Mekah, di mimbar Masjid Nabawi dan di sisi atau atas mimbar masjid selain dari Mekah atau Madinah (Wahbah Zuhaili 1997: 6072). Sumpah dilakukan selepas solat Asar terutama pada hari Jumaat, kerana waktu itu diagongkan oleh ahli-ahli ugama. Golongan Hanabilah berpendapat waktunya selepas Asar atau di antara azan dan iqamah kerana waktu itu diharapkan perkenannya do'a (Abu Bakar 1993: 363).

Manakala dalam Peraturan 13 (1)(c) dan Peraturan 13 (1)(b):

“(Taghlik) dari segi tempat bolehlah dibuat di tepi mimbar dalam mana-mana masjid”.

“(Taghlik) dari segi masa boleh dibuat selepas waktu solat Asar pada hari Jumaat”

Namun begitu menurut Dato' Muhammad Asri, setakat ini pelaksanaan sumpah hanya dibuat di mahkamah dan pada waktu pejabat sahaja. Dengan kata lain *taghlik* dari segi masa dan tempat belum lagi dilaksanakan secara praktikal. Ini kerana

menurut beliau tidak semestinya *taghliz* itu dilakukan ketiga-tiga keadaan secara serentak iaitu pada lafaz masa dan tempat, kerana ia hanya digalakkan bukannya menjadi satu syarat. Yang paling penting matalamat *Yamīn* tercapai iaitu mengisbatkan atau menafikan sesuatu perkara.

## ANGGAPAN ENGGAN BERSUMPAH

Keengganan bersumpah (*Nukul a'n al-yamīn*) bermaksud *mudda'a alaih* enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim, sedangkan mengikut proses biasa ia mesti bersumpah. Menurut Peraturan Sumpah Mahakamh Syariah, *Nukul a'n al-Yamīn* ialah:

“Enggan bersumpah setelah diarahkan oleh Hakim”

Anggapan enggan bersumpah tidak dinyatakan dengan jelas mengenai perlaksanaannya di dalam cadangan Peraturan Sumpah Syarie Mahkamah Syariah.

### i. *Yamīn al-Mardudah*

Persoalan yang berlaku perselisihan di kalangan ulamak ialah apabila *mudda'a alaih* enggan bersumpah setelah diperintah oleh hakim berbuat demikian adakah hakim akan terus menjatuhkan hukuman atas keengganan tersebut atau mengembalikan *Yamīn* tersebut kepada *mudda'i (Yamīn al-Mardudah)*. *Yamīn al-Mardudah* ialah:

“Sumpah yang dijalankan oleh *mudda'i* setelah ditolak oleh *mudda'a alaih*”

Dalam permasalahan ini telah berlaku perselisihan di kalangan ulamak, namun yang rajihnya ialah pendapat jumhur iaitu tidak wajar dihukum ke atas *mudda'a alaih* disebabkan keengganan tersebut. Keengganannya bersumpah tidak bererti ia bersalah

tetapi mungkin ia ingin menjaga maruah dan kehormatannya. Sekiranya *mudda'alah* enggan bersumpah maka ia hendaklah dikembalikan kepada *mudda'i*. Hal ini tidak juga tidak dinyatakan dengan terperinci di dalam cadangan Peraturan Sumpah Syarie Mahkamah Syariah.

## **ii. Bersumpah Atas Kebenaran Hakim**

Sekalipun dari segi hukumnya sumpah syarie tidak akan berlaku melainkan dengan permohonan dari pihak *mudda'i*, Hakim merupakan kuasa pemutus dalam menentukan hak-hak yang dituntut perlu dilaksanakan *al-yamīn* atau sebaliknya. Kadangkala hakim berkuasa untuk memerintahkan pihak-pihak bagi menguatkan lagi penghukumannya seperti *Yamīn al-Istizhar*. Dalam Perintah 6 ada menyatakan:

“Sesuatu sumpah hendaklah dilaksanakan dengan kebenaran atau atas arahan Hakim”

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004, belum lagi lagi diluluskan sepenuhnya. Namun secara umumnya ia telah pun persetujuan oleh pakar undang-undang Syarie dan hanya menunggu mesyuarat Jawatan kuasa Penggubalan buat kali terakhir untuk diluluskan.

## PENUTUP

Setelah dikaji secara terperinci mengenai konsep *al-yamīn* menurut undang-undang keterangan Islam dengan merujuk kepada kitab-kitab *turath* atau rujukan-rujukan kontemporari dan pengamalannya di Mahkamah-Mahkamah Syariah khususnya di negeri Selangor dan Wilayah-Wilayah Persekutuan serta Mahkamah-Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia secara umumnya, terdapat beberapa saranan yang berkemungkinan akan dapat memperkemaskan lagi pelaksanaan *al-yamīn* di Mahkamah-Mahkamah Syariah:

“Cadangan Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004”, sebenarnya masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki khususnya *taghliz al-yamīn*. *Taghliz al-yamīn* setakat ini hanya dilaksanakan dalam bentuk lafaz sahaja dan belum dilaksanakan *taghliz al-yamīn* dalam bentuk masa dan tempat kerana terikat dengan masa dan waktu pejabat. Untuk memastikan *taghliz al-Yamīn* memberi kesan kepada pihak-pihak maka ianya perlu dilaksanakan dengan lebih praktikal.

Dalam Seksyen 13 “Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004” sememangnya ada menyatakan tentang *taghliz al-yamīn*. Namun peruntukan tersebut tidak pula menyatakan kes-kes atau keadaan yang boleh dilaksanakan *taghliz*. Sedangkan perkara inilah yang perlu diperuntukkan untuk mengelakkan kekeliruan daripada berlaku. Oleh itu peruntukan *al-yamīn* dalam undang-undang tersebut perlu dimasukkan dengan terperinci dari segi prosedur dan perlaksanaannya.

Kadangkala terdapat sebahagian para hakim dan pengamal undang-undang kurang mahir menggunakan *al-yamīn*. mereka tidak tahu bilakah seseorang hakim sepatutnya menggunakan kuasanya untuk mengarah seseorang itu bersumpah dan apakah kes yang boleh dilaksanakan *al-yamīn*. Ini kerana hakim-hakim tidak diberi pendedahan yang lebih jelas mengenai kaedah pelaksanaan *al-yamīn* secara praktikalnya.

Pendedahan ini sepatutnya diberikan kepada para hakim dan pengamal undang-undang Syariah khususnya yang baru dalam bidang kehakiman mengenai konsep *al-yamīn* secara teori dan praktikalnya. Mereka perlu didedahkan dengan perkara-perkara seperti hak-hak yang boleh dilaksanakan *al-Yamīn*, kaedah dan cara pelaksanaan *al-Yamīn* khususnya berkaitan dengan taghliz *al-Yamīn*.

Menurut pemerhatian terdapat kes di Mahkamah Syariah di mana pemakaian dan pelaksanaan *al-Yamīn* yang tidak tepat. Terdapat kes di mana sebahagian wanita mendakwa ditalak oleh suaminya gagal mengemukakan bukti dan hakim terus menolak dakwaan tersebut atau membuang kes tanpa memberi peluang kepada mereka untuk menuntut suaminya bersumpah. Ada juga suami tidak bersumpah atau *nukul* setelah diarah bersumpah hakim tidak mengambil tindakan apa-apa bagi melaksanakan *al-Yamīn al-mardudah*. Hal ini akan menyebabkan kes tertangguh atau meningkatkan kes tertunggak yang sememangnya telah menghantui dan membelenggu Mahkamah Syariah sekian lama. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana melalui mekanisma *al-Yamīn* banyak kes akan dapat diselesaikan.

Peruntukan seksyen 130 (2) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menyatakan “Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukan atau tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta ini, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum Syarak”. Seksyen ini kadangkala membawa kepada kecelaruan dalam pelaksanaan sumpah khususnya, ini kerana para hakim akan menggunakan kefahaman mereka terhadap teks-teks kitab *turath* yang besar kemungkinan tersilap faham terhadap maksudnya. Hasil kefahaman tersebut mereka akan menjatuhkan hukuman dan akhirnya tersilap membuat penghukuman. Keadaan ini akan menjatuhkan imej Mahkamah Syariah.

Bagi mengatasi permasalahan ini, satu peraturan khusus perlu digubal supaya para hakim dapat merujuk kepada rujukan khusus yang akan membantu mereka membuat penghakiman yang lebih berkesan dan tepat.

Para hakim perlu memastikan dengan teliti siapakah *mudda'a alaih* dan *mudda'i* sebelum *al-yamīn*. Berdasarkan kepada hadis sebelum ini iaitu keterangan

kepada pihak *mudda'i* dan sumpah kepada *mudda'a alaih* menunjukkan menentukan *mudda'a alaih* dan *mudda'i* sebelum melaksanakan sumpah adalah amat penting. Jika tersalah menentukannya, maka kita akan meletakkan beban pembuktian ke atas bahu *mudda'alaih* yang sepatutnya dibebankan ke atas *mudda'i* dan begitu juga yang sepatutnya sumpah ke atas bahu *mudda'a alaih* tetapi yang berlaku adalah sebaliknya. Menurut Imam Khatib syarbini dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, *mudda'i* ialah orang kata-katanya menyalahi zahir sesuatu perkara dan *mudda'a alaih* ialah orang kata-katanya menepati zahir sesuatu perkara.

Oleh itu, para pengamal undang-undang perlu didedahkan dengan kaedah penentuan *mudda'a alaih* atau *mudda'i* bagi memastikan mereka yang berhak akan mendapat haknya kembali. Sekira tersilap dalam menentukannya akan mengundang kezaliman dan telah terkeluar dari konsep Islam. Dalam cadangan Peraturan Sumpah perlu menegaskan tentang kaedah menentukan *mudda'a alaih* dan *mudda'i*.

Para pengamal undang-undang Syarie perlu berhati-hati semasa ingin melaksanakan sumpah khususnya dalam menentukan hak-hak yang boleh dilaksanakan sumpah padanya atau sebaliknya. Seperti yang telah dijelaskan dalam bab kedua, tidak semua keadaan boleh dilaksanakan seperti hak-hak Allah S.W.T iaitu kes-kes hudud zina, menuduh melakukan zina dan lain-lain lagi. *al-Yamīn* hanya boleh dilaksanakan dalam kes-kes yang melibatkan hak-hak manusia khususnya dalam kes-kes mal. Ini kerana menurut Dato' Muhammad Asri, Hakim Mahkamah Rayuan (JKSM) kadangkala terdapat kesilapan pengamal undang-undang melaksanakan sumpah bukan pada tempatnya.

Selain dari telah diperuntukkan dalam cadangan Peruntukan Peraturan Sumpah Syarie Mahkamah Syariah mengenai jenis-jenis permohonan atau tuntutan yang oleh dilaksanakan sumpah, pendedahan tambahan perlu dibuat bagi memastikan para pengamal undang-undang betul-betul memahami mengenai hak-hak yang boleh dilaksanakan *al-yamīn* padanya.

Para hakim perlulah bertindak sebagai kaunselor kepada para peguam yang mewakili pihak plaintif atau defendan iaitu menyatakan tentang kesan sumpah kepada

pihak yang melafazkannya. Ini kerana kadangkala pihak melafaz tidak mengetahui kesan sumpah kepada mereka kerana peguam yang mewakili mereka tidak menjelaskan kepada mereka kesan *al-Yamīn al-Qadhaiyyah*. Ini kerana para peguam tidak semua mengetahui tentang kaedah pelaksanaan dan kesannya. Ini kerana sesetengah peguam di Mahkamah Syariah adalah berlatar belakang perundangan sivil dan sudah tentulah kaedah sumpah Mahkamah Sivil adalah berbeza dengan apa yang diamalkan di Mahkamah Syariah.

Perlaksanaan *al-yamīn* di Mahkamah Syariah pada hari ini masih tidak menentu dan tidak selaras. Ini kerana “Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004” hanya diguna pakai bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan dan tidak diterima pakai oleh mahkamah lain khususnya negeri yang tidak bernaung di bawah JKSM. Untuk merealisasikan pelaksanaan *al-Yamīn* pihak JKSM hanya akan mengeluarkan ‘Arahan Amalan’ kepada negeri-negeri. Seperti yang telah kita maklum arahan amalan bukannya suatu arahan yang mesti dipatuhi kerana negeri-negeri masih berkuasa untuk mengikut arahan amalan tersebut atau tidak. Hasil dari itu pelaksanaan *al-Yamīn* tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya di Mahkamah-Mahkamah Syariah dengan cara lebih tersusun dan berkesan.

Maka untuk mengatasi permasalahan ini, pemusatan sistem Mahkamah Syariah seperti yang diamalkan di Mahkamah Sivil perlu dipercepatkan. Melalui pemusatan kuasa pihak atasan akan dapat mengarah kesemua para hakim menggunakan peruntukan yang sama. Hasilnya akan dapat mengelakkan sebarang kecelaruan dalam pelaksanaan *al-yamīn* seterusnya akan menambah keyakinan masyarakat umum terhadap keupayaan Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan sesuatu kes.

Berdasarkan peruntukan enakmen keterangan di Selangor dan Wilayah Persekutuan, dapat dirumuskan bahawa di Mahkamah Syariah, *al-Yamīn* boleh dilakukan oleh tiga pihak iaitu saksi, orang yang mendakwa dan orang yang kena tuntutan. Saksi bersumpah sebelum diberi kesaksian bagi memastikan kebenaran keterangan saksi berkenaan. Namun demikian sumpah saksi yang dibuat di Mahkamah Syariah hari ini tidak benar-benar menepati *al-Yamīn al-syari’yah*. Ianya

hanya boleh dianggap sebagai janji untuk tidak berbohong kerana sighthnya yang tidak menepati syarat-syarat al-yamin.

Dengan itu, disarankan agar Mahkamah Syariah mengamalkan *al-Yamīn al-syahid* sebagaimana yang disyaratkan oleh hukum syarak. Sighth sumpah saksi ini juga hendaklah diselaraskan di setiap Mahkamah Syariah bagi memastikan keberkesanannya. Sumpah saksi ini boleh dilakukan sekiranya nampak keraguan terhadap keterangan yang diberikan atau terdapat percanggahan fakta di antara saksi-saksi di dalam sesuatu kes. Mahkamah Syariah atau hakim perlu memperingatkan saksi-saksi ini tentang kesan *al-Yamīn* yang dilaksanakan sama ada hukuman yang boleh dikenakan dari segi undang-undang sekiranya berbohong dan balasan yang bakal diterima di akhirat kelak. Nasihat atau amaran ini boleh menyedarkan saksi-saksi untuk tidak memberi keterangan palsu yang boleh menidakkan sesuatu tuntutan atau permohonan di Mahkamah Syariah.

Perlaksanaan *al-yamīn* perlu dilaksanakan dalam kes-kes tertentu seperti kes di mana pihak yang kena tuntutan tidak hadir beberapa kali walaupun mendapat perintah Mahkamah Syariah. Di dalam situasi ini, adakah Mahkamah masih mahu menunggu kehadiran pihak yang kena tuntutan ini untuk menentukan keputusan sesuatu kes?

Di dalam kes seumpama ini disarankan agar para hakim untuk menggunakan *al-Yamīn* dengan disokong oleh keterangan yang lain seperti keterangan saksi. Ini akan dapat mengurangkan kes tertunggak dan memberikan keadilan kepada sesuatu pihak kerana kelewatan menghakimi sesuatu kes bermakna keadilan telah dinafikan (justice delay justice deny).

Peguam merupakan orang yang memainkan peranan besar dalam memastikan hak anakguam mereka dapat dipertahankan atau permohonannya dapat diterima oleh Mahkamah. Dalam konteks *al-Yamīn* ini, para peguam perlu faham hak-hak anakguamnya. Peguam perlu tahu bilakah *al-Yamīn* boleh dilaksanakan, apakah kesan dan syaratnya, apakah fungsi dan sejauh mana keberkesanannya dan hal-hal lain berkaitan dengannya.

Sistem Mahkamah Syariah banyak terpengaruh dengan "sistem adversarial" yang diamalkan oleh Mahkamah Sivil. Namun begitu Mahkamah Syariah tidak terikat dengan sistem adversarial ini. Terdapat peruntukan di dalam undang-undang Islam yang mana Mahkamah Syariah juga mempunyai ciri-ciri "inquisitorial". Sistem ini mempunyai ciri-ciri di mana hakim memainkan peranan dengan hanya mendengar hujah dan bukti yang dibawa oleh peguam plaintif dan defendan. Hakim akan banyak bergantung kepada kemampuan dan kemahiran seseorang peguam untuk meyakinkan mahkamah. Hakim bertindak umpama seorang pengadil sesuatu perlawanan dan akan mengendalikannya dengan mengikut prosedur yang ditetapkan. Dengan itu adalah diharapkan para peguam dapat memainkan peranan mereka untuk memastikan pelaksanaan *al-Yamīn* pada anakguam mereka dilaksanakan dengan betul melalui kefahaman yang mendalam terhadap *al-Yamīn*.

Setelah mengetahui hukum dan segala perkara berkaitan dengan *al-Yamīn*, demikian barulah peguam boleh mengaplikasikannya di Mahkamah dengan betul dan tepat. Sebagai contoh, sekiranya anakguam mereka membawa bukti yang tidak kukuh sedangkan anakguamnya benar-benar memerlukan untuk menuntut haknya terhadap suami yang tidak bertanggungjawab, peguam hendaklah mencadangkan kepada Mahkamah untuk melaksanakan *al-Yamīn*.

Memandangkan kes *al-Yamīn* hanya merangkumi kes mal sahaja, disarankan para hakim perlu berani dan bijak membuat keputusan dalam kes-kes talak berdasarkan konsep *al-Yamīn al-mudda'a alaih* atau *al-Yamīn al-mardudah* mengikut mana yang berkenaan. Ini kerana kes sebegini amatlah sesuai untuk diselesaikan dengan cara *al-Yamīn* dan disokong oleh bukti lain seperti saksi dan sebagainya. Adalah agak sukar untuk memastikan setiap pihak bertikai dapat datang ke Mahkamah terutamanya kes talak dan membuat keputusan berdasarkan saksi dan bukti. Sebagai contoh sebanyak 2,216 kes direkodkan bagi kes perceraian tertunggak berpunca daripada kegagalan pasangan suami isteri hadir di mahkamah (Berita Harian. 1 Disember 2003).

Di dalam kes tertentu peguam juga perlu membantah keputusan hakim yang tidak tepat dan memohon ulang bicara. Ini termasuk kesilapan melaksanakan *al-Yamīn* atau keengganan hakim untuk memerintahkan sesuatu pihak untuk bersumpah. Ini

kerana pada realitinya hal ini berlaku kerana terdapat kebanyakan peguam kurang memahami hak-hak anakguamnya.

Misalnya terdapat juga kes di mana *al-Yamīn* dilaksanakan di dalam kes jenayah. *al-Yamīn* tidak boleh dilaksanakan di dalam kes jenayah kerana para fuqaha berpendapat bahawa ianya hanya terhad di dalam kes mal. Kesilapan atau mungkin kurang arif mengenai pelaksanaan *al-Yamīn* boleh menyebabkan sesuatu kes tidak dibicarakan secara tepat dan adil. Di dalam hal ini peguam atau sesiapa sahaja yang terlibat di dalam Mahkamah perlu segera mengingatkan hakim untuk melaksanakan *al-Yamīn* pada tempatnya. Ini akan banyak membantu proses keadilan di Mahkamah Syariah dan seterusnya dapat menaikkan imej profesion peguam syarie itu sendiri.

Bagi memastikan sistem perundangan syariah mencapai tahap yang boleh dibanggakan, para peguam dan pengamal undang-undang syarie perlu mempertingkatkan ilmu yang berkaitan dengan sistem kehakiman Islam supaya mereka dapat berperanan dengan lebih berkesan dalam membantu mahkamah.

Kod Etika Peguam Syarie 2000 yang digubal oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mengandungi arahan untuk peguam syarie meningkatkan ilmu pengetahuan. Peruntukan ini tidak terdapat dalam Akta Profesion Undang-undang 1976 yang menjadi rujukan peguambela dan peguamcara yang beramal di Mahkamah Sivil. Proses meningkatkan ilmu pengetahuan ini amat penting kepada peguam syarie kerana mereka ini bukan sahaja perlu mengetahui undang-undang dan prosedur Mahkamah malahan ianya merangkumi ilmu fiqh dan pandangan para fuqaha. Kebolehan merujuk kitab-kitab muktabar juga perlu digilap kerana kebanyakan khazanah syariah terkandung di dalamnya. Dengan menguasai ilmu inilah sesuatu isu syariah itu dapat diperbincangkan dan diselesaikan dengan tepat dan jelas.

Pihak pentadbiran agama Islam negeri-negeri perlu menerima usaha-usaha ke arah penyeragaman undang-undang termasuk pelaksanaan *al-Yamīn* ini dengan kadar segera. Penyelarasan prosedur *al-Yamīn* di setiap negeri di bawah kawal seliaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia akan banyak membantu perlaksanaannya secara berkesan.

Setakat ini hanya tujuh buah negeri bersetuju untuk bernaung di bawah JKSM iaitu "Negeri Gunasama". Pada 1999 enam buah negeri telah bekerjasama di dalam proses penyeragaman undang-undang ini iaitu Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan yang terbaru ialah Sabah. Masih terdapat negeri yang masih berat untuk bernaung di bawah JKSM iaitu badan kehakiman syariah pusat. Hal ini sepatutnya sudah dapat diatasi memandangkan usaha untuk penyeragaman undang-undang ini telah bermula pada tahun 80an. Oleh itu, sikap keterbukaan kepada pihak pentadbiran Islam negeri-negeri perlu ada bagi memastikan usaha-usaha untuk memartabatkan sistem perundangan Islam di Malaysia.

Merujuk kepada perbincangan para fuqaha terhadap pelaksanaan *al-Yamīn*, pemakaian *al-Yamīn* di Mahkamah Syariah melalui analisa kepada enakmen keterangan dan penghakiman yang dibuat di dalam kes-kes yang dibicarakan, telah terbukti bahawa *al-Yamīn* merupakan salah satu keterangan yang dapat membantu mahkamah menyelesaikan sesuatu kes. Berikut ialah kesimpulan yang dapat dibuat mengenai pelaksanaan *al-Yamīn* di Mahkamah Syariah di Malaysia..

Pensyariatan *al-yamīn* telah dinyatakan dengan jelas di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, yang mana digunakan untuk menyatakan (mensabitkan) haknya terhadap sesuatu perkara atau menafikan sesuatu perkara di hadapan hakim dengan menyebut nama Allah atau Sifat-Nya. *Al-yamīn* atau sumpah merupakan keterangan atau *bayyinah* yang diterima sebagai sokongan pembuktian di Mahkamah Syariah dan ianya telah dilaksanakan mengikut ketetapan hukum syarak.

Hikmat dan tujuan pensyariatan *al-yamīn* adalah untuk menyelesaikan perbalahan, mengembalikan hak kepada tuannya dan menyelamatkan maruah dari ditohmah. Selain itu juga *al-yamīn* berperanan untuk mentarjihkan kebenaran atau menafikan dakwaan dari pihak *mudda'i* terhadap *mudda'a alaih*. Sekalipun *al-yamīn* diterima sebagai salah satu kaedah pembuktian bagi menyelesaikan sesuatu pertelingkahan, sebenarnya ia terbahagi kepada lima hukum iaitu wajib, sunat, makruh, haram dan juga harus. Para fuqaha bersepakat dengan penerimaan *al-Yamīn* ini secara umum dan berselisih pendapat mengenainya dalam perkara tertentu.

Secara umumnya *al-yamīn* terbahagi kepada dua bahagian iaitu *al-yamīn al-qadhaiyyah* (dalam mahkamah) dan *al-Yamīn ghair al-Qadhaiyyah* (luar mahkamah). Setiap bahagian terbahagi pula kepada beberapa bahagian dan *al-yamīn al-qadhaiyyah* merupakan pembuktian yang diterima pakai di dalam mahkamah. Ini kerana *al-Yamīn al-Qadhaiyyah* berpandu kepada niat yang memerintah untuk bersumpah iaitu hakim dan tidak menerima *tauriah*. Walau bagaimanapun *al-Yamīn ghair al-Qadhaiyyah* berpandukan kepada niat yang bersumpah serta menerima *tauriah*.

Menurut Jumhur ulamak *al-Yamīn al-Qadhaiyyah* dibahagi kepada tiga iaitu Sumpah Mudda'a alaih, Sumpah mudda'i dan Sumpah Saksi. Namun menurut Hanafi Sumpah selain sumpah al-mudda'alaih tidak boleh dijadikan sebagai satu keterangan.

Para hakim sewajarnya tidak memerintah *mudda'a alaih* bersumpah tanpa ada permintaan *mudda'i* kerana sumpah atau tidak dalam suasana ini tidak mempunyai sebarang kesan hukum yang membolehkan hakim membuat keputusan. *al-Yamīn al-Mudda'a alaih* dikatakan juga *al-Yamīn al-Dafi'ah*, *al-Yamin al-Asliyyah* dan *al-Yamīn al-Rafi'ah*. *al-Yamīn al-Mudda'ai* ada tida bahagian iaitu *al-Yamīn al-Jalibah*, *al-Yamīn al-Tuhmah* dan *al-Yamīn al-Istizhar*. *al-Yamīn al-Istizhar* merupakan yang paling kerap digunakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah pada hari ini.

Perlaksanaan sumpah dianggap batal sekiranya tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Tidak semua kes-kes boleh dilaksanakan sumpah. Para ulamak bersepakat, tidak harus melaksanakan sumpah pada hak-hak Allah SWT semata-mata seperti zina, Qazaf dan lain-lain lagi. Para ulamak bersepakat mengenai pengharusan melaksanakan sumpah dalam kes-kes mal. Namun para ulamak berselisih pendapat mengenai pengharusan melaksanakan sumpah dalam kes-kes *Ahwal Syakhsiiyyah*.

Jumhur para ulamak menggalakkan *taghliz al-Yamīn* bagi tujuan menakutkan mereka untuk bersumpah seterusnya menghindari dari sumpah palsu. *Taghliz* mungkin dilakukan dalam bentuk lafaz, masa atau tempat. *al-Yamīn al-Mardudah* juga satu penyelesaian kes dan pembuktian dakwaan apabila *mudda'a laih* enggan bersumpah.

Hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman sabit dakwaan berdasarkan *nukul al-mudda'a alaih* semata-mata, bahkan hendaklah ia kembalikan sumpah kepada *mudda'i*. Menurut sebahagian ulamak, *al-yamīn* bukannya suatu hujah yang mutlak untuk membebaskan diri *mudda'a alaih* terhadap dakwaan yang diajukan kepadanya. Sekiranya *mudda'i* mampu untuk membawa *bayyinah* maka *al-yamīn* akan dianggap terbatal dengan sendirinya.

Perlaksanaan *al-yamīn* di Mahkamah Syariah sebenarnya masih tidak jelas. Ini kerana belum terdapat peruntukan yang betul-betul praktikal untuk diguna pakai oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Sebaliknya kebanyakan mahkamah melaksanakan *al-Yamīn* berdasarkan ijtihad sendiri. Penggunaan *al-yamīn* di Mahkamah Syariah merupakan jalan yang terakhir untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan dan mahkamah tidak akan menerima sebarang keterangan sesudah itu.

Dalam undang-undang Islam di Malaysia khususnya di Selangor dan Wilayah Persekutuan peruntukan mengenai al-yamin diperuntukkan di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Peruntukan *al-Yamīn* ini diletakkan di bawah seksyen 87, 88 dan 129 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

*Al-Yamīn* tidak boleh dilaksanakan di dalam kes jenayah berdasarkan peruntukan seksyen 87 (3) yang menyatakan bahawa keterangan hendaklah diberikan bagi pendakwa dan bagi tertuduh melainkan jika tertuduh mengaku salah. Ini bertepatan dengan pandangan fuqaha bahawa al-yamin hanya boleh digunapakai di dalam kes mal sahaja. Selain daripada itu, walaupun di Mahkamah Syariah Malaysia masih tidak mengaplikasikan undang-undang jenayah hudud dan qisas namun beban pembuktian untuk setiap kesalahan jenayah takzir yang terkandung di dalam Enakmen Jenayah Syariah atau Enakmen Undang-undang Keluarga Islam masih merujuk kepada bukti yang "melampaui alasan yang munasabah". Beban pembuktian yang tinggi inilah yang menjadi salah satu faktor *al-Yamīn* tidak boleh digunakan di dalam kes jenayah.

Enakmen keterangan di Selangor dan Wilayah Persekutuan memperuntukkan bahawa di Mahkamah Syariah, *al-Yamīn* boleh dilakukan oleh tiga pihak iaitu saksi, orang yang mendakwa dan orang yang kena tuntutan. Saksi bersumpah sebelum diberi kesaksian bagi memastikan kebenaran keterangan saksi berkenaan. Namun demikian sumpah saksi yang dibuat di Mahkamah Syariah hari ini tidak benar-benar menepati *al-Yamīn al-syari'ah*. Ianya hanya boleh dianggap sebagai janji untuk tidak berbohong kerana sumpah yang tidak menepati syarat-syarat *al-Yamīn*.

Terdapat banyak kes-kes yang telah diputuskan berdasarkan *al-yamīn* di Mahkamah Syariah. Penggunaan *al-Yamīn* di dalam kes-kes ini merupakan keterangan yang menyokong bukti-bukti pihak bertikai dan bukan sebagai bukti tunggal untuk mentahabikan sesuatu kes. *Al-Yamīn* digunakan untuk memutuskan atau mensabitkan kes dan ada juga *al-Yamīn* diaplikasikan untuk meyakinkan dan melapangkan kepada pihak yang berkenaan terutamanya hakim.

Umumnya *al-yamīn al-istizhar* merupakan jenis sumpah yang paling popular dilaksanakan. Hanya sedikit kes yang melaksanakan jenis sumpah yang lain seperti *al-yamīn al-tohmah* atau *al-yamīn al-mardudah*. Pemakaian *al-yamīn al-istizhar* di Mahkamah Syariah di Malaysia amatlah bertepatan kerana bersesuaian dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang meliputi hal ehwal kekeluargaan Islam.

Menerusi analisa kes, didapati ada hakim yang tidak berapa memahami konsep *al-yamīn* secara mendalam. Ada kes jenayah yang melibatkan pemakaian *al-yamīn* sedangkan ianya tidak boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun kes seumpama ini amat jarang berlaku.

Berdasarkan semua perbincangan yang dibuat di dalam buku ini, dapatlah disimpulkan bahawa *al-Yamīn* merupakan satu mekanisma yang berkesan untuk mahkamah membuat sesuatu keputusan. Namun begitu, tidak dapat dinafikan sememangnya masih terdapat kelemahan di dalam pelaksanaan *al-Yamīn* di Mahkamah Syariah. Terdapat hakim dan peguam yang tidak memahami hukum, syarat dan pelaksanaan *al-Yamīn*. Permasalahan juga timbul apabila tiadanya keseragaman di dalam melaksanakan *al-Yamīn*.

Oleh itu, keperluan kepada prosedur *al-Yamīn* yang jelas, tepat dan seragam di setiap negeri mestilah dilaksanakan. Cadangan Peraturan *al-yamīn* di Mahkamah Syariah yang dibincangkan perlu diluluskan dan dilaksanakan secepat mungkin. Kaedah *al-yamīn* ini pula hendaklah digunapakai oleh semua negeri di Malaysia. Dengan langkah penyeragaman ini, pelaksanaan *al-yamīn* yang berkesan akan dapat dilakukan dan seterusnya membantu menyelesaikan banyak kes di Mahkamah Syariah.

Selain daripada itu, latihan atau penerangan yang intensif perlu juga diberikan kepada pegawai Mahkamah termasuk peguam syarie bagi meningkatkan kefahaman mereka mengenai selok belok pelaksanaan *al-yamīn* yang bukan sahaja berkesan malahan menepati kehendak hukum syarak. *Al-Yamīn* sebagai satu bentuk pembuktian mesti ditadbir dan diuruskan dengan berkesan. Walaupun pelaksanaan *al-Yamīn* yang kemas tidak akan dapat menyelesaikan masalah dan isu Mahkamah Syariah secara menyeluruh, namun ianya sedikit sebanyak akan dapat menyelesaikan banyak kes yang tertunggak dan seterusnya meningkatkan imej Mahkamah Syariah itu sendiri.

## RUJUKAN

1. Al-Qur'an.
2. Abdul Rahman Al-Jaziri. T.t. *Kitab al-Fiqh 'Ala Al Madhahib Al-Arba'ah*.
3. Abu Bakar. 1993. *I'arah al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.
4. Abu Faris, Muhammad Abd al-Qadir. 1998. *Kitab al-Aiman wa al-Nuzur*. 'Amman: Dar al-Qalam. Cetakan Pertama.
5. al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad ibn al-Husain ibn Ali. 1992. *Kitab al-Sunan al-Saghir*. Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
6. Al-Kasani, Abu Bakar Ibn Masoud al-Kasani al-Hanafi. 1998. *Badai' al-Sanai' fii Tartib al-Syarai'*. Cetakan Kedua. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
7. Al-Nawawi, Imam Abu Zakaria Mahyuddin ibn Syaraf. 1996. *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr. Cetakan Pertama.
8. Al-Nawawi, Imam Abu Zakaria Mahyuddin ibn Syaraf. 2000. *Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Bashair. Cetakan Pertama.
9. Al-Nawawi, Imam Abu zakaria Yahya ibn Sharf. T.t. *Raudhah al-Talibin*. Beirut Dar al-Kutub al-'ilmiyyah.
10. Al-Nawawi, Imam Mahyuddin. t.t. *Sharh Imam Muslim al-Imam al-Nawawi*. Beirut: Dar Ma'rifah.
11. Al-Rafei, Imam Abu al-Qasim Abd. Al-Karim ibn Muhammad ibn Abd. Karim. 1997. *Al-Aziz Shar al-Wajiz*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cetakan Pertama.
12. Al-San'ani, Muhammad ibn Ismail al-Amir al-Yamani. 1997. *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Muram*. Cetakan Ketiga. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
13. Al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad Ibn Nuhammad al-Khatib. 1994. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Manhaj*. Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
14. Al-Zarkhasyi, Syeik Shamsuddin Muhammad ibn Abdullah. 1993. *Syarh al-Zarkhasyi 'ala Mukhtasar al-Kharqi*. Cetakan Pertama. Maktabah al-'Abikat.
15. Dr Muhammad Mustafa al-Zuhaili. 1982. *Wasail al-Ithbat fi al-Syariat al-Islamiyyah*. Beirut: Maktabah Dar al-Bayan.

16. Dr. Mahmud Saedon A. Othman. 1990. *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Pertama.
17. Dr. Mustafa al-Khin & Dr Mustafa al-Bugho. 1996. *al-Fiqh al-Manhaji*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Cetakan Kedua.
18. Dr. Wahbah al-Zuhailiy. t.t. *Al-Fiqhu Al-Islami Wa Adillatuhu*. Beirut. Darul Fikr.
19. Hafizuddin Abdullah ibn Ahmad ibn Mahmud al-Hanafi. 2002. *Al-Bahr Al-Ra'iq Sharh Kanzu Al-Al-Daqa'iq*. Cetakan Pertama.
20. Ibn Abu Dam, al-Qadhi Shabuddin Ibrahim Ibn Abdullah. 1987. *Kitab Adab al-Qadha'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cetakan Pertama.
21. Ibn al-Sayyid Muhammad Syata al-Dimyathi. 1993. *Hasyiah 'ianah al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.
22. Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad ibn Ali. t.t. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Cetakan Ketiga. Damshiq: Dar al-Faiha'.
23. Ibn Hajar al'Asqalani, Ahmad ibn Ali. t.t. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Cetakan Pertama. Damshiq: Dar al-Faiha'.
24. Ibn Manzur. 1999. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath. Cetakan Ketiga.
25. Ibn Muflih, Abu Ishaq Burhanuddin Ibrahim Ibn Muhammad Ibn Abdullah Ibn Muflih. 1980. *al-Mubdi' fii Sharh al-Muqni'*. Damshiq: al-Maktab al-Islami.
26. Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Abu Abdullah Muhammad Ibn Abu Bakar. 1995. *al-Turuq al-hukmiyyah fii al-Siasah al-Syariyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cetakan Pertama.
27. Ibn Qayyim al-Jaziyyah, Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad ibn Abu Bakar. 1968. *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabbi al-'Alamin*. Mesir: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyah.
28. Ibn Qudamah. 1996. *Mughni*. Qaherah: Dar: al-Hadith. Cetakan Pertama.
29. Ibn Rushd, Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad Ibn Ahmad Ibn Rush al-Qurthubi al-Andalusi. 1996. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cetakan Pertama.
30. Muhammad Solih Madkur. t.t. *al-Qadha' fi al-Islam*.
31. Muslim Ibn Hujjaj Ibn Wardin al-Husain al-Qusyairi al-Nisaburi. 2000. *Sahih Muslim*. al-Kaherah: Jam'iyyah al-Maknaz al-Islami.

32. Prof Madya Haji Md. Salleh bin Haji Ahmad. Konsep al-Yamin dan perlaksanaanya di Mahkamah Syariah. Ketas kerja ini di bentang dalam Seminar “*Ke Arah Memperkemaskinikan Undang-Undang Keterangan Dan Prosedur Di Mahkamah Syariaiah*”. Pada 12 Jun 2003 di Hotel Hilton.
33. Shahabu Al-Din Abi Ishak Ibrahim Abdullah Al-Mahdani. 1984. *Matbah Al-Irshad*. Baghdad.
34. Syed Sabiq. 1985. *Fiqh Al-Sunnah*. Beirut. Dar Al-Kitab Al-Arabi. Cetakan Ketujuh. Jilid Ketiga.
35. Syeikh Sulaiman ibn Muhammad ibn Umar. 2000. *Hasyiah al-Bujairimi*. Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
36. Yusri al-Sayyid Muhammad. 2000. *Jami’ al-Fiqh*. Cetakan pertama.
37. Zaidan, Dr. Abd Karim. 1997. *Fiqh Qadha’ fii al-Syariat al-Islamiyyah*. Cetakan Ketiga. Beirut: Mu’asasah al-Risalah.
38. Zuhaili, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-mu’asir. Cetakan Keempat.
39. Liaw Yock Fang. 1976. *Undang-undang Melaka*. The Hague-Martinus Nihoff.
40. Hamid Jusoh. 1992. *Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi Dalam Undang-undang Keluarga*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
41. Winstedt, *Undang-undang Kedah*, dalam JM BRAS (1928) 6 (2).
42. Mohd Nik Mohd Salleh, Kelantan In Transaction: 1891-1910 dlm WR Roff (1974) Kelantan: Religion, Society, Politic in a Malay State. Kuala Lumpur,
43. Ahmad Ibrahim, Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia dalam [http://: www. Islam.gov.my](http://www.Islam.gov.my).
44. Rafiah Salim.1994. Evidence in Malaysia and Singapore Cases, Materials and commentary. Butterworths. Malaysia.
45. <http://sukweb.selangor.gov.my/mss/sejarah.htm>
46. Abdullah Abu Bakar. 2003. *Al-yamin dalam Perundangan Moden*. Jurnal Hukum Jilid1.
47. Dato’ Haji Muhamad Asri bin Haji Abdullah. Hakim Mahkamah Rayuan Syarie. Jabatan kehakiman Syariah Malaysia. (Temubual). Pada 8 April 2005.

48. Tuan Abbas Nordin. Hakim Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Perlaksanaan Sumpah Di Mahkamah Syariah*. (Temubual melalui Telefon). 23 Januari 2005.
49. Wan Mahyuddin Wan Mohammad. Hakim Mahkamah Rendah Syarie, Sepang. *Perlaksanaan Sumpah Di Mahkamah Syariah*. (Temubual) . 8 Febuari 2006.
50. Peraturan Sumpah Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004.
51. (1981) 2 JH
52. (1982) 2 JH.
53. (1983) 3 JH.
54. (1983) 4 JH.
55. (1984) 4 JH.
56. (1984) 5 JH.
57. (1987) 5 JH.
58. (1988) 1 JH.
59. (1996) 1 JH.